



# 40

*soal jawab*

PENGUBATAN  
ISLAM



BAHAGIAN PERTAMA  
KONSEP PERUBATAN



**Soalan 1:**

*Akhir-akhir ini rawatan alternatif semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Apakah yang dimaksudkan dengan perawatan alternatif, dan adakah ia berbeza dengan rawatan konvensional (alopati)?*

**Jawapan:**

Perawatan bermaksud perihai (perbuatan) merawat, pemeliharaan, penyelenggaraan, pembelaan dan penjagaan.<sup>1</sup> Perkataan-perkataan yang sinonim ini memberikan makna yang sama iaitu kelakuan bagi tujuan memastikan sesuatu itu terus atau kembali berada dalam keadaan yang baik.

Perawatan dilihat sebagai suatu yang lebih khusus daripada perubatan. Ini dapat dilihat dalam pernyataan Dr. Haron Din: “Asas perubatan ada dua: iaitu penjagaan diri dan rawatan.”<sup>2</sup> Daripada pernyataan ini dapat dirumuskan bahawa perawatan adalah cabang daripada perubatan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa proses perawatan turut mempunyai unsur-unsur penjagaan diri tetapi pada tahap yang amat minima.

Sememangnya penggunaan perkataan perubatan membawa makna yang luas. Kamus Pelajar menyatakan makna perubatan dengan pengertian yang luas iaitu “semua perkara yang bersangkutan dengan hal berubat”.<sup>3</sup> Dari sudut morfologi perkataan “perubatan” mempunyai perbezaan yang agak signifikan dengan perkataan “pengubatan.” Pengubatan membawa makna yang lebih khusus iaitu “perihai mengubati (menyembuhkan penyakit, pesakit, dan sebagainya)”.<sup>4</sup> Ia mempunyai pengertian yang hampir dengan perkataan perawatan.

Alternatif bermaksud satu pilihan antara dua pilihan.<sup>5</sup> Pengertian dari sudut bahasa yang dikemukakan ini memberikan nilai yang sama antara kedua-dua pilihan tanpa melebihikan satu pilihan atas pilihan yang lain. Justeru, dari sudut bahasa, perawatan alternatif adalah merupakan satu pilihan lain kepada jenis perawatan yang telah sedia ada dan diguna pakai secara meluas oleh masyarakat. Kefahaman ini sedikit berbeza dengan kefahaman yang dikemukakan dalam Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam yang meletakkan superioriti perubatan alopati<sup>6</sup> ke atas pengubatan Islam.<sup>7</sup>

Dari sudut penggunaan istilah “perawatan alternatif”, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPTK, KKM) telah menggambarannya sebagai kaedah perawatan yang berlainan daripada kaedah perawatan konvensional atau moden.<sup>8</sup> Ia bersesuaian dengan penggunaan Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan yang telah memberikan definisi Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (Traditional & Complementary Medicine Practice) sebagai “amalan perubatan tradisional dan komplementari yang diamalkan bersama, selain daripada perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan berdaftar seperti yang terkandung dalam Akta Perubatan 1971.”<sup>9</sup>

Sehubungan dengan itu, kedapatan pelbagai bentuk perawatan alternatif yang tersebar dalam kalangan masyarakat. BPTK, KKM telah menyenaraikan 6 jenis amalan dengan jenis-jenis modaliti bagi setiap jenis amalan iaitu<sup>10</sup>:

Dapat dirumuskan bahawa “perawatan alternatif” merujuk kepada kaedah perawatan yang berlainan daripada kaedah perawatan konvensional atau moden tetapi mempunyai nilai yang setara mengikut keadaan dan keperluan.<sup>11</sup> Namun begitu, dari sudut objektif kedua-duanya adalah sama, iaitu untuk memberikan kesembuhan dan kesejahteraan.

**Soalan 2:**

**Apakah yang dimaksudkan dengan perubatan Islam?**

**Jawapan:**

Pendefinisian perubatan Islam (Islamic medicine) menimbulkan beberapa perbezaan dan kemusykilan dalam kalangan pengkaji.<sup>12</sup> Profesor Omar Kasule menetapkan perubatan Islam (Islamic medicine / al-tibb al-Islami) sebagai sistem perubatan yang mempunyai konsep, paradigma, nilai dan prosedur yang selari serta tidak bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah.<sup>13</sup>

Definisi yang dikemukakan adalah selari dengan rumusan Abu Bakar Abdul Majeed. Beliau menyatakan bahawa perubatan Islam merupakan satu bidang atau amalan yang berasaskan ilmu sains perubatan yang mana di dalamnya terkandung paradigma, konsep, nilai dan tatacara yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan Hadis.<sup>14</sup>

Definisi yang dikemukakan memperlihatkan keluasan cakupan perubatan Islam. Perubatan Islam perlu difahami dengan dimensi yang luas dan mencakupi. Ianya tidak wajar dibataskan kepada “kaedah rawatan yang menggunakan doa-doa, yang merangkumi pelbagai ungkapan kata yang mengandungi kata-kata pengaruh Islam”<sup>15</sup> sahaja. Sehubungan dengan itu, perubatan Islam tidak dibataskan pada satu-satu cara rawatan yang tertentu sahaja. Malahan cara rawatan yang disyorkan oleh Islam ialah apa jua cara rawatan yang sesuai, sama ada dengan menggunakan akar kayu, ubat-ubatan moden, pembedahan, mahupun dengan cara psikologi dan metafizik.<sup>16</sup>

Hakikat ini bukan merupakan suatu yang baharu dalam Islam kerana Islam merupakan agama yang universal dan terbuka. Rasulullah SAW telah menyatakan:

**الْكَلِمَةُ الْحَكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.**

*Kata-kata bijaksana itu adalah merupakan kehilangan orang-orang mukmin, maka di mana sahaja dia mendapatinya maka dia lebih berhak ke atasnya.*<sup>17</sup>

Bagi sesetengah pengkaji antaranya Ismail Saad, perubatan Islam pada zaman Muhammad SAW sendiri turut menerima pengaruh daripada perubatan-perubatan Yunani dan amalan-amalan perubatan India dan Cina.<sup>18</sup>

Bagi istilah “pengubatan Islam” pula, BPTK KKM mendefinisikannya sebagai “satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani, oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau Hadis, atau amalan al-salaf al-salih dan ulamak muktabar, atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak.”<sup>19</sup>

Pengertian yang diberikan ini adalah bertepatan dengan penggunaannya dalam kajian ini. Istilah “perubatan” dibezakan dengan istilah “pengubatan”. Perubatan Islam perlu dilihat dengan skop yang meluas dan melebar manakala pengubatan Islam boleh dilihat dengan skop yang lebih kecil sebagaimana yang dinyatakan oleh BPTK KKM di atas.

Perlu dipertegas juga – sebagaimana yang telah dibahaskan dalam definisi perawatan alternatif – bahawasanya pengubatan Islam merupakan suatu bentuk perawatan yang berdiri sendiri dengan asas-asas dan prinsip-prinsip tersendiri dan bukan sekadar pelengkap<sup>20</sup> kepada jenis perubatan-perubatan lain sama ada perubatan alopati dan perubatan moden lainnya.<sup>21</sup> Bagi sebahagian penyakit, perubatan alopati tidak menyediakan ubat penyembuh sebaliknya hanyalah sebagai penahan sakit seperti migrain, barah dan lain-lain. Sebaliknya penyakit-penyakit seperti ini diberikan preskripsi penyembuhan yang jelas dalam pengubatan Islam.<sup>22</sup> Justeru, lebih sesuai untuk dinyatakan bahawa pengubatan Islam dan jenis-jenis perubatan yang lain adalah saling melengkapi antara satu sama lain mengikut keperluan dan keadaan.

### **Soalan 3:**

***Apakah pula yang dimaksudkan dengan Tibb Nabawi?***

### **Jawapan:**

Tibb Nabawi (al-tibb al-nabawi) merupakan komponen utama dalam kaedah pengubatan Islam. Ia merujuk kepada perkataan ataupun perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW berkaitan dengan penyakit, rawatan dan penjagaan pesakit. Ia juga melibatkan hadis-hadis yang berkaitan dengan perubatan dan rawatan yang dilakukan ke atas baginda ataupun sahabat dan rawatan yang dilakukan ke atas orang lain yang tidak pernah dilarang oleh baginda. Ia juga termasuk rawatan perubatan yang diketahui oleh Nabi SAW tetapi baginda tidak melarangnya.<sup>23</sup>

Sebahagian pengkaji menyamakan antara perubatan Islam dan *al-tibb al-nabawi*.<sup>24</sup> Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam menetapkan bahawa pengubatan Islam adalah pengubatan Nabi SAW.<sup>25</sup>

Manakala sebahagian pengkaji menganggap *al-tibb al-nabawi* (*prophetic medicine*) merupakan suatu yang berlainan dengan perubatan Islam yang berbentuk saintifik dan analisis.<sup>26</sup> Mengecilkan skop *al-tibb al-nabawi*, Dr. Husain Nagamia memberikan definisi perubatan Islam sebagai:

*"a body of knowledge of medicine that was inherited by the Muslims in the early phase of Islamic history (40-247 AH / 661-861AD) from mostly Greek sources, but to which become added medical knowledge from Persia, Syria, India and Byzantine."*<sup>27</sup>

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan, dapat dirumuskan tiga pandangan berkaitan hubungan antara perubatan Islam dan al-tibb al-nabawi:

- i. *al-tibb al-nabawi* adalah merupakan perubatan Islam
- ii. *al-tibb al-nabawi* adalah sebahagian daripada perubatan Islam
- iii. *al-tibb al-nabawi* berbeza dengan perubatan Islam.

**Soalan 4:**

*Ada orang berpendapat perubatan Islam hanya dalam bentuk jampi sahaja. Benarkah pernyataan ini?*

**Jawapan:**

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, perubatan Islam perlu difahami dengan dimensi yang luas dan mencakupi. Ianya tidak wajar dibataskan kepada “kaedah rawatan yang menggunakan doa-doa, yang merangkumi pelbagai ungkapan kata yang mengandungi kata-kata pengaruh Islam”<sup>28</sup> sahaja. Sehubungan dengan itu, perubatan Islam tidak dibataskan pada satu-satu cara rawatan yang tertentu sahaja. Malahan cara rawatan yang disyorkan oleh Islam ialah apa jua cara rawatan yang sesuai, baik dengan menggunakan akar kayu, ubat-ubatan moden, pembedahan, mahupun dengan cara psikologi dan metafizik.<sup>29</sup> Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa perubatan Islam merupakan sistem perubatan yang luas yang meliputi pelbagai bentuk perubatan selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam. Konsep asas dalam perubatan Islam berdiri atas konsep tauhid dan ia tidak terhad kepada jampi sahaja.

**Soalan 5:**

*Adakah Rasulullah SAW. menerima aplikasi konsep perubatan berasaskan saintifik pada zaman baginda?*

**Jawapan:**

Meneliti penerimaan Rasul SAW terhadap konsep perubatan berasaskan saintifik pada zaman baginda SAW, didapati bahawa konsep perubatan berasaskan saintifik merupakan sebahagian daripada kaedah perawatan yang diterima pakai pada zaman tersebut. Beberapa hujah dapat menyokong pandangan ini:

- i. Islam secara asasnya menerima kajian empirikal yang menjadi asas kepada perubatan moden. Namun begitu, para saintis Islam telah memberikan wajah baru kepada kajian empirikal yang menolak norma-norma yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti fahaman materialisme, pragmatisme, atheisme, penolakan terhadap wahyu, kepincangan, wasatiyyah, penolakan terhadap hubungan antara kebendaan dan kerohanian, kepincangan daripada objektif kemanusiaan, ketauhidan dan tumpuan kepada keeropahan yang meminggirkan nilai universal.<sup>30</sup>
- ii. Al-Quran al-Karim mengandungi pelbagai ayat yang membicarakan tentang perkara-perkara saintifik dalam pelbagai bidang.<sup>31</sup>
- iii. Seorang sahabat Nabi SAW iaitu Afranjah r.a. telah kehilangan hidung beliau dalam salah sebuah peperangan. Beliau kemudiannya telah menggunakan hidung palsu yang diperbuat daripada perak. Oleh kerana penggunaan hidung

palsu daripada perak telah menimbulkan bau yang tidak menyenangkan, Rasulullah SAW telah mencadangkan kepada beliau agar menggunakan hidung palsu daripada emas.<sup>32</sup>

- iv. Rasulullah SAW mencadangkan kepada Sa'ad bin Abi Waqqas<sup>33</sup> menggunakan khidmat Harith bin Kaldah al-Thaqafi, seorang Arab yang mahir dalam perubatan saintifik bagi mengubati penyakit beliau.<sup>34</sup>
- v. Rasulullah SAW mengutus kepada 'Ubay bin Ka'ab seorang tabib (doktor) untuk memotong uratnya, lalu digunakan besi panas (semasa merawat).<sup>35</sup>
- vi. Rasulullah menyatakan tiga aspek perubatan pada zaman baginda yang menjadi amalan dalam perubatan berasaskan saintifik:

الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةِ شَرْبَةِ عَسَلٍ ، وَشَرْطَةِ مِحْجَمٍ ، وَكَيَّْةِ نَارٍ ، وَأَنْهَى  
أُمَّتِي عَنِ الْكَيِّ

*Kesembuhan itu terdapat pada tiga perkara: meminum madu, berbekam dan bakar api (al-kayy). Tetapi aku melarang umatku melakukan pembakaran dengan api.<sup>36</sup>*

Ianya dituruti oleh para sahabat r.a., antaranya 'Urwah bin Zubayr bin al-'Awwam telah dilaporkan mengidap penyakit yang menyebabkan para pakar perubatan ketika itu telah bersepakat agar kaki beliau perlu dipotong bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak ke bahagian yang lain. Bagi menyempurnakan proses pembedahan tersebut, para doktor telah mencadangkan agar beliau diberikan ubat pelali.<sup>37</sup>

Diamati dari sudut perbandingan dengan perubatan moden yang berasaskan saintifik, perubatan Islam tidak mempunyai banyak perbezaan dengan perubatan moden. Perkara pokok yang membezakan antara perubatan Islam dan perubatan moden adalah dari sudut teras yang menjadi asas kepada sistem perubatan tersebut. Perubatan Islam berteraskan tauhid,<sup>38</sup> manakala perubatan moden berteraskan sains semata-mata.<sup>39</sup> Sehubungan dengan itu, apabila sistem perubatan moden diberikan nilai dan roh tauhid Islami maka ia dapat dikelaskan sebagai perubatan Islam.<sup>40</sup>

#### **Soalan 6:**

***Manusia wajib meyakini hakikat kemudaran dan kesembuhan adalah daripada Allah semata-mata. Apakah pandangan-pandangan yang bertentangan dengan keyakinan ini?***

#### **Jawapan:**

Setiap muslim wajib meyakini hakikat kemudaran dan kesembuhan adalah daripada Allah semata-mata. Pandangan manusia terhadap kemudaran dan kesembuhan dilihat dari sudut sebab musabab dapat diklasifikasikan seperti berikut:

- i. Kesembuhan dan kemudaran itu terhasil daripada prinsip sebab musabab tanpa kuasa Tuhan. Pandangan ini adalah pandangan kufur yang bertentangan dengan ajaran Islam.

- ii. Kesembuhan dan kemudahan terhasil daripada tabiat semulajadi sesuatu itu tanpa kuasa Tuhan. Pandangan ini juga adalah pandangan kufur yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- iii. Kesembuhan dan kemudahan terhasil daripada kekuatan atau kemampuan yang Allah jadikan pada sesuatu yang menyembuhkan. Ini adalah pandangan yang salah dan orang yang mempercayainya digolongkan dalam golongan fasiq.
- iv. Kesembuhan dan kemudahan terhasil daripada Allah tetapi berlazim-laziman dengan hukum adat dan tiada berpisah kelaziman itu pada pandangan akal. Ini adalah pandangan orang yang jahil.
- v. Kesembuhan dan kemudahan itu semata-mata daripada Allah jua.<sup>41</sup> Ini adalah pandangan sebenar Islam yang ditetapkan dalam aqidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Hakikat ini bersandarkan kepada sintesis firman-firman Allah Taala berikut:

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ \* وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ \* وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

*Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku; "Dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum," Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku;*

Surah al-Shu'ara' (26): 78-80

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بَضُرًا فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ يُصِيبُ بِهِ  
مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ 10:107

*Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Dia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghalangi limpah kurniaNya. Allah melimpahkan kurniaNya itu kepada sesiapa yang dikendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*

Surah Yunus (10): 107

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ \* فَاسْتَجَبْنَا لَهُ  
فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنَّا وَذِكْرَىٰ لِلْعَابِدِينَ

*Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika baginda berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: “Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani”. Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kepadanya: keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik).*

Surah al-Anbiya' (21): 83-84.

Dapat dirumuskan bahawa dalam usaha untuk mencari kesembuhan, maka tidak ada kesembuhan melainkan datang daripada Allah semata-mata.<sup>42</sup> Namun begitu, Islam tidak menafikan sebab musabab secara total. Hubungan antara sebab, musabbab dan musabbib al-asbab adalah diperakui sebagaimana dalam ajaran aqidah Ahli Sunnah Waljamaah.<sup>43</sup> Malahan Islam menggalakkan umat manusia mencari kesembuhan. Kenyataan ini disokong dengan al-Quran dan juga Hadis Nabi SAW yang mengajar serta melakukan pelbagai bentuk kaedah perubatan. Al-Quran menyatakan:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

*Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

Surah al-Isra' (17): 82

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila didapati ubat yang serasi dengan penyakit nescaya sembuhlah ia dengan izin Allah Azza wa Jalla.<sup>44</sup>

مَا أَنزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنزَلَ لَهُ شِفَاءً

*Tidaklah Allah menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia turunkan pula penyembuh.*<sup>45</sup>

Rumusannya, Islam menolak segala bentuk kesyirikan dan menetapkan keyakinan bahawa kemudaran dan kesembuhan adalah daripada Allah semata-mata. Islam juga menggalakkan usaha mencari kesembuhan dari segala kemudaran.

**Soalan 7:**

***Jika saya ditimpa penyakit, yang manakah lebih utama bagi saya, sama ada bersabar atau berubat?***

**Jawapan:**

Para ulama berbeza pandangan dalam masalah ini kerana terdapat beberapa nas yang menganjurkan berubat dan terdapat nas-nas yang lain pula menganjurkan bersabar. Antara nas-nas yang menganjurkan agar kita berusaha mencari kesembuhan atau berubat ialah, Sabda Nabi SAW:

يَا عِبَادَ اللَّهِ تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ شِفَاءً

*Wahai hamba Allah sekalian, berubatlah. Sesungguhnya Allah tidak mengadakan penyakit melainkan Dia menyediakan ubat baginya.*<sup>46</sup>

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

*Sesungguhnya Allah yang menurunkan penyakit dan ubatnya, dan menjadikan bagi setiap penyakit ada ubat, maka berubatlah tetapi jangan sesekali berubat dengan sesuatu yang diharamkan.*<sup>47</sup>

عَلَيْكُمْ بِالشِّفَائَيْنِ : الْعَسَلُ وَالْقُرْآنُ

*Hendaklah kamu menggunakan dua penyembuh: madu dan al-Quran.*<sup>48</sup>

Terdapat juga pernyataan umum daripada al-Quran dan Hadis yang menyatakan tentang adanya kesembuhan bagi setiap penyakit jika sesuai dengan ubatnya, dengan izin daripada Allah SWT.

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا \*

*Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

Surah al-Isra' (17): <sup>82</sup>

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

*Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila didapati ubat yang serasi dengan penyakit nescaya sembuhlah ia dengan izin Allah Azza wa Jalla.*<sup>49</sup>

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Tidaklah Allah menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia turunkan pula penyembuh.<sup>50</sup>

الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةٍ: فِي شَرْطَةِ مَحْجَمٍ، أَوْ شُرْبَةِ عَسَلٍ، أَوْ كَيَّةٍ بِنَارٍ. وَأَنَا أَنْهَى أُمَّتِي عَنِ الْكَيِّ.

Kesembuhan itu ada pada tiga hal iaitu dalam pisau pembekam, minum madu, atau pengubatan dengan besi panas. Dan aku melarang umatku melakukan pengubatan dengan besi panas.<sup>51</sup>

إِنَّ فِي الْحَبَّةِ السَّوْدَاءِ شِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا السَّامَ

Sesungguhnya di dalam habbatus sauda' (jintan hitam) terdapat penyembuh bagi segala penyakit kecuali al-sam (mati).<sup>52</sup>

Seterusnya terdapat juga Hadis-hadis yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sendiri mengubati orang yang sakit ataupun menyuruh sahabat yang mahir merawat untuk merawat orang yang sakit. Antaranya adalah seperti berikut:

رُمِيَ أَبِي يَوْمَ الْأَحْزَابِ عَلَى أَكْحَلِهِ فَكَوَاهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

"Ubay bin Ka'ab telah dipanah pada urat lengannya dalam peperangan Ahzab, maka Rasulullah SAW meletakkan besi panas (untuk mengubatnya).<sup>53</sup>

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَخِي يَشْتَكِي بَطْنَهُ فَقَالَ اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَى الثَّانِيَةَ فَقَالَ اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَاهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَاهُ فَقَالَ قَدْ فَعَلْتُ فَقَالَ صَدَقَ اللَّهُ وَكَذَبَ بَطْنُ أَخِيكَ اسْقِهِ عَسَلًا فَسَقَاهُ فَبُرَأَ

Bahawasanya seorang lelaki telah mendatangi Rasulullah SAW dan berkata: "Saudaraku mengadu sakit di dalam perutnya". Sabda Rasulullah SAW: "Beri dia minum madu". Kemudian lelaki itu datang kali kedua (mengadu perkara yang sama). Sabda Rasulullah SAW: "Beri dia minum madu". Kemudian lelaki itu datang lagi untuk kali ketiga. Sabda Rasulullah SAW: "Beri dia minum madu". Kemudian datang lagi untuk kali seterusnya dan berkata, "aku telah melakukan itu". Sabda Rasulullah SAW: "telah benar apa yang dikatakan oleh Allah SWT, dan telah dusta perut saudara kamu itu, berilah dia minum madu." Maka diberikan lagi lelaki itu minum madu, maka dia pun sembuh.<sup>54</sup>

إِلَيْهِ فَرَعَمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُمَا أَيُّكُمَا  
أَطَبُّ فَقَالَا أَوْ فِي الطَّبِّ خَيْرٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَرَعَمَ زَيْدٌ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَنْزَلَ الدَّوَاءَ الَّذِي أَنْزَلَ الْأَدْوَاءَ

*Bahawa terdapat seorang lelaki pada zaman Rasulullah SAW yang mengalami luka sehingga darahnya memancut keluar. Lelaki itu telah memanggil dua orang lelaki daripada bani Anmar untuk melihat kecederaan tersebut. Kedua-duanya menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah berkata kepada mereka, “Siapakah di antara kamu yang lebih baik (dalam merawat)?”. Mereka berkata, “Adakah pada mengubat itu ada kebaikan ya Rasulullah?” Maka Zayd menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Yang menurunkan ubat jualah Yang menurunkan pelbagai penyakit (iaitu Allah SWT)”.*<sup>55</sup>

Berdasarkan nas-nas di atas jelas menunjukkan bahawa berusaha mencari kesembuhan merupakan sunnah yang dianjurkan oleh baginda SAW sendiri. Namun terdapat juga nas-nas Hadis yang menganjurkan agar orang yang ditimpa ujian sama ada penyakit atau apa-apa musibah supaya bersabar. Antaranya ialah:

Ibn ‘Abbas RA berkata kepada ‘Ata’ bin Abi Rabah:

أَلَا أُرِيكَ امْرَأَةً مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ قُلْتُ بَلَى . قَالَ هَذِهِ الْمَرْأَةُ السَّوْدَاءُ  
أَنْتَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَتْ إِنِّي أُصْرَعُ ، وَإِنِّي  
أَتَكْشَفُ فَادْعُ اللَّهَ لِي . قَالَ « إِنَّ شَيْئًا صَبَرْتُ وَلَكَ الْجَنَّةُ وَإِنْ  
شِئْتَ دَعَوْتُ اللَّهَ أَنْ يُعَافِيكَ » . فَقَالَتْ أَصْبِرُ . فَقَالَتْ إِنِّي أَتَكْشَفُ  
فَادْعُ اللَّهَ أَنْ لَا أَتَكْشَفَ ، فَدَعَا لَهَا

*“Adakah engkau ingin melihat wanita daripada kalangan ahli syurga?” ‘Ata’ menjawab, “Ya”. Ibn ‘Abbas RA pun berkata, “Perempuan hitam ini pernah datang kepada Nabi SAW lalu berkata: aku selalu tidak sedarkan diri (pengsan atau kerasukan) dan auratku tersingkap kerananya, maka doakanlah kepada Allah untuk (kesembuhan) ku. Nabi menjawab: Jika engkau sanggup bersabar maka engkau akan mendapat ganjaran syurga, atau jika engkau mahu aku boleh doakan agar Allah menyembuhkanmu. Perempuan itu berkata: Aku akan bersabar. Kemudian dia berkata lagi: Tetapi (ketika tidak sedarkan diri) auratku terbuka, maka doakanlah kepada Allah agar ia tidak terbuka. Lalu Nabi mendoakannya.*<sup>56</sup>

Selain itu, terdapat juga nas-nas yang amat banyak tentang keutamaan bersabar dalam menghadapi ujian Allah termasuklah apabila ditimpa penyakit.<sup>57</sup>

Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa keutamaan sama ada bersabar atau berusaha mencari kesembuhan adalah bergantung kepada individu itu sendiri. Individu itu perlu menilai dirinya sendiri dengan melihat kekuatan dan kelemahannya. Sekiranya dia mempunyai kekuatan untuk bersabar, maka dia berhak untuk memilih pahala yang besar daripada kesabaran. Tetapi jika dia tidak berusaha untuk mencari kesembuhan seterusnya menjadi sebab kepada kemaksiatan seperti mengeluh dan sebagainya maka sewajibnya dia berusaha mencari kesembuhan.

Jika dia berusaha untuk menyembuhkan penyakitnya dengan cara-cara yang diizinkan oleh syarak, maka dia telah mengikut anjuran Nabi SAW. Lebih-lebih lagi jika dia mempunyai tanggung jawab lain seperti ketua keluarga yang perlu menyara keluarga, maka sudah tentu lebih utama untuk berusaha merawat penyakitnya agar dia boleh menjalankan tanggung jawabnya itu.

Namun, jika dia seseorang itu sanggup bersabar, dan pada masa yang sama tidak pula menjejaskan tanggung jawabnya terhadap orang lain, maka dia boleh memilih untuk bersabar dengan ujian penyakit yang ditimpakan oleh Allah SWT kepadanya, wallahu a'lam.

#### **Soalan 8:**

***Kakak saya telah disihir. Bolehkah dia menggunakan khidmat pengamal sihir bagi melawan sihir tersebut? Bagaimana pula hukum membalas sihir dengan sihir?***

#### **Jawapan:**

Sihir dari segi bahasa bermaksud sesuatu yang tersembunyi dan halus. Abu Muhammad al-Maqdisi mendefinisikan sihir sebagai azimat, jampi, mantera dan simpulan ditiup yang memberikan kesan kepada hati dan tubuh.<sup>58</sup> Wahid bin Abd al-Salam Bali mendefinisikan sihir sebagai sesuatu kesepakatan antara tukang sihir dan syaitan yang dibangkitkan oleh tukang sihir dengan perbuatan yang diharamkan atau sesuatu yang syirik atas bantuan syaitan dengan ketaatannya kepada syaitan.<sup>59</sup>

Sihir juga boleh didefinisikan sebagai apa juga yang dapat dilakukan oleh seseorang (secara rahsia) dengan pertolongan syaitan, setelah orang itu memenuhi kehendak syaitan tersebut dengan melaksanakan sesuatu yang dikehendaki oleh syaitan, sebagai tanda atau isyarat 'taqarrub' kepada syaitan tersebut.

Berdasarkan definisi di atas, sihir mempunyai beberapa ciri utama iaitu:

- i. Adanya peranan syaitan atau jin [kafir]. Ini sesuai dengan kejadian syaitan (api) atau jin (lidah api) yang bertubuh 'halus' seperti angin dan tidak dapat dilihat. Oleh itu, pelbagai kerja jahat menjadi rahsia dan tidak dapat diketahui oleh kebanyakan manusia.
- ii. Adanya kesan yang luar biasa, menakutkan, misteri atau menghairankan.
- iii. Adanya kerjasama antara manusia yang jahat (tukang sihir, pawang dan dukun) dengan syaitan atau jin. Kedua-dua belah pihak akan memainkan

peranan masing-masing, di mana manusia akan menyediakan pelbagai alatan sihir yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syaitan atau jin yang menjadi rakan kongsi. Jin dan syaitan pula akan menjalankan kerja-kerja jahat seperti mana yang dirancang bersama.

- iv. Adanya pelbagai syarat, pantang larang yang ditetapkan oleh syaitan atau jin yang dipersetujui oleh manusia.
- v. Adanya unsur-unsur pemujaan manusia terhadap syaitan atau jin.<sup>60</sup>

Mahyuddin Ismail menyenaraikan tiga elemen penting yang terdapat dalam definisi sihir yang dikemukakan oleh para sarjana:

- i. Ilmu sihir ialah suatu amalan yang melibatkan perjanjian dengan jin ataupun syaitan.
- ii. Pengamal ilmu sihir perlu mematuhi syarat-syarat ataupun menggunakan alatan khusus dalam pengamalannya.
- iii. Satu perkara luar biasa yang tidak mampu dilakukan oleh manusia biasa, terhasil daripada perjanjian dan pematuhan kepada syarat antara dua pihak tersebut.<sup>61</sup>

Dalam masyarakat Melayu, golongan ahli sihir dan tukang tilik sering dikaitkan dengan perbomohan. Ia disamakan dengan tukang tilik dan ahli sihir.<sup>62</sup> Sebahagian pengkaji menjadikan istilah bomoh sebagai suatu bentuk amalan yang bertentangan dengan perubatan dan pengubatan Islam. Perkataan bomoh dalam bahasa Melayu disamakan dengan perkataan pawang dan dukun.<sup>63</sup>

Perbomohan merupakan suatu yang telah mengakar dalam masyarakat Melayu. Beberapa penelitian dan kajian telah dilakukan berkenaan mauduk ini.<sup>64</sup> SMN al-Attas membayangkan penerimaan masyarakat Melayu terhadap insitisi bomoh dalam lapisan atasan masyarakat Melayu dengan kewujudan bomoh/pawang diraja yang memberikan khidmat di istana.<sup>65</sup> Melihat kepada bahaya amalan perbomohan dalam masyarakat, Dr. Jahit bin Sideq menetapkan “wajib menolak semua ciri amalan perubatan perbomohan (*kahin*, ‘*arrafa*, *munajjim* dan lain-lain) seperti penggunaan jin, sihir, tilik-menilik, tangkal azimat, *ta’wiz*, *wafak*, semah-menyemah, memuja, buang ancak, pengeras dan lain-lain.”<sup>66</sup>

Pengharaman amalan tukang tilik dan ahli sihir adalah amat jelas seperti Hadis di bawah:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ سَاحِرًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى  
مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

*Barangsiapa mendatangi tukang tilik atau ahli sihir dan mempercayai kata-katanya maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW.*<sup>67</sup>

قَالَتْ عَائِشَةُ سَأَلَ أَنَسُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ  
الْكُهَّانِ فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسُوا بِشَيْءٍ  
قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَإِنَّهُمْ يُحَدِّثُونَ أَحْيَانًا الشَّيْءَ يَكُونُ حَقًّا قَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِلْكَ الْكَلِمَةُ مِنَ الْجِنِّ يَخْطِفُهَا  
الْجَنِيُّ فَيَقْرُأُهَا فِي أُذُنِ وَلِيِّهِ قَرَّ الدَّجَاجَةِ فَيَخْلُطُونَ  
فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ مِائَةِ كَذِبَةٍ

Saidatina Aishah pernah bercerita bahawa: Ada orang bertanya kepada Rasulullah SAW tentang dukun/bomoh dan sihir lalu baginda menjawab: Mereka itu tidak memberi apa-apa kesanpun.” Para sahabat menyampuk: “Wahai Rasulullah! Kadang-kadang mereka mengatakan sesuatu yang benar.” Baginda pun bersabda: “Perkataan itu sebenarnya adalah daripada jin yang mencuri dengar perkataan itu, lalu diulang-ulangkannya ke telinga orang yang sedia mematuhiya sebagaimana ulangan kokokan ayam. Maka mereka menambah-nambah dengan beratus-ratus pembohongan.”<sup>68</sup>

Dapat disimpulkan bahawa amalan sihir dan tilik menilik adalah merupakan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Ia merupakan perbuatan-perbuatan syirik yang merosakkan aqidah manusia.

Sihir terbahagi kepada dua kategori iaitu sihir khayalan dan sihir bukan khayalan.

- i. Sihir secara khayalan. Berkenaan hal ini, Allah berfirman:

قَالَ بَلْ أَلْقُوا فَإِذَا حِجَابٌ مَوْصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِمْ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى

Nabi Musa menjawab: “Bahkan kamulah campak dahulu”. Tiba-tiba tali-tali mereka dan tongkat-tongkat mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda-benda berjalan, disebabkan sihir mereka.

Surah Taha (20): 66

- ii. Sihir bukan khayalan, benar-benar berlaku. Firman Allah

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ  
كَفَرُوا يَعْلَمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا  
يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ  
الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ  
وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا  
يَعْلَمُونَ

*Mereka (membelakangkan kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorangpun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)." Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorangpun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka.....*

Surah al-Baqarah (02): 102

Firman-Nya lagi:

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

*Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan sihir).*

Surah al-Falaq (113): 04

Sihir termasuk dalam tujuh dosa besar yang sabit dalam sebuah Hadis iaitu:

اجْتَنَبُوا السَّبْعَ الْمُؤَبَّاتِ، قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّحَرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَدْفَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.

*Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan. Sahabat bertanya, apakah tujuh perkara itu? Baginda menjawab, "syirik kepada Allah, mengamalkan sihir, membunuh nyawa tanpa hak, makan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan perang dan menuduh perempuan yang baik melakukan zina."<sup>69</sup>*

Sihir juga dikategorikan sebagai jenayah kerana ia boleh digunakan untuk tujuan-tujuan jahat seperti membunuh, menyebabkan kecederaan, melakukan serangan, mengurung orang dengan cara yang salah, memikat atau melarikan orang, melakukan perbuatan khianat, mencuri dan merompak, memecahkan hubungan kekeluargaan dan rumahtangga serta lain-lain lagi.<sup>70</sup>

Menggunakan sihir untuk merawat sihir diistilahkan dalam syarak sebagai *al-nushrah*, yang bermaksud mengubati sihir dengan sihir. Sihir merupakan amalan yang ditegah dan diharamkan oleh Islam kerana amalan ini membawa kepada syirik. Ini berdasarkan Hadis berikut:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ النَّشْرِ فَقَالَ هُوَ مِنْ  
عَمَلِ الشَّيْطَانِ

*Rasulullah SAW ditanya tentang hukum al-nushrah, maka baginda menjawab, "perbuatan itu merupakan amalan syaitan".<sup>71</sup>*

Oleh itu jelaslah bahawa Rasulullah SAW melarang pengubatan sihir dengan sihir. Maka kita hendaklah memikir dan mengusahakan cara lain selain daripada menggunakan khidmat ahli sihir. Jika kita mengetahui orang tersebut adalah ahli sihir lalu menggunakan khidmatnya, bermakna kita bersubahat dengan ilmu yang dilarang oleh Islam. Kesimpulannya, haram hukumnya mengubati sihir dengan sihir.<sup>72</sup>

#### **Soalan 9:**

***Sejauhmanakah keterikatan perubatan Islam dengan Al-Quran dan Sunnah dan adakah perubatan Islam hanya bersumberkan al-Quran dan Hadis sahaja?***

#### **Jawapan:**

Perubatan Islam merupakan sistem perubatan yang berpaksikan wahyu. Ia melibatkan sumber ambilan dan metode pemahaman yang berteraskan wahyu. Sumber ambilan kepada perubatan ini boleh diklasifikasikan kepada dua; sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah al-Quran dan Hadis manakala sumber sekunder adalah sumber selain kedua-duanya yang masih mempunyai hubungan kait dengan kedua-duanya.

Dimensi tauhid dalam perubatan menuntut agar ianya bersumberkan wahyu.<sup>73</sup> Dua sumber wahyu yang jelas adalah al-Quran dan Hadis. Justeru itu, aspek-aspek dalam perubatan perlu didasari oleh kedua-dua sumber tersebut. Ini adalah bagi memastikan landasan perubatan itu tidak lari dari jalan yang lurus:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابُ اللَّهِ وَسُنَّةُ نَبِيِّهِ

*Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara. Tidak sama sekali kamu semua akan sesat selagi mana kamu semua berpegang dengan kedua-duanya; Kitab Allah dan sunnah NabiNya.<sup>74</sup>*

Dalam memastikan penghujahan sumber wahyu sama ada dari sudut kesahihan periwayatan atau kepastian maknanya قطعية الثبوت و قطعية الدلالة (pasti kesahihannya dari sudut periwayatan dan pasti kebenarannya dari sudut makna), maka ia dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian:

- i. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pokok atau dasar aqidah. Sebagai contoh menetapkan hukum sihir dan syirik. Ianya perlu didasarkan kepada sumber wahyu yang bersifat قطعية الثبوت و قطعية الدلالة (pasti kesahihannya dari

sudut periwayatan dan pasti kebenarannya dari sudut makna).<sup>75</sup> Sehubungan dengan itu, hanya al-Quran dan Hadis Mutawatir dengan makna yang pasti sahaja boleh diperhujahkan dalam bahagian ini.

- ii. Perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan pengubatan. Penghujahan dalam perkara amalan tidak perlu sampai kepada tahap *قطعية الثبوت وقطعية الدلالة* (pasti kesahihannya dari sudut periwayatan dan pasti kebenarannya dari sudut makna). Cukup sekadar ianya berada pada tahap *ظنية الثبوت وظنية الدلالة*. Oleh itu, al-Quran, Hadis Mutawatir dan Hadis Ahad dengan makna yang pasti dan *zann* boleh digunakan bagi kategori ini.
- iii. Perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan-amalan pelengkap kepada pengubatan seperti petua-petua dan penjagaan kesihatan. Hadis-hadis yang berada pada tahap lemah masih boleh digunapakai.

Sebahagian daripada nas al-Quran dan Hadis adalah merupakan nas yang sememangnya diturunkan dan diungkapkan bagi tujuan pengubatan dan penyembuhan secara khusus. Ianya dapat dilihat dari sebab turunnya dan penggunaannya oleh Rasul SAW. Manakala sebahagian yang lain tidak secara langsung diturunkan dan diungkapkan bagi tujuan pengubatan dan penyembuhan. Namun begitu, nas ini masih juga digunakan oleh para pengamal pengubatan bagi tujuan penyembuhan. Justeru, nas al-Quran dan Hadis yang digunakan bagi tujuan pengubatan dapat dikelaskan kepada dua bahagian:

#### i. Nas Pengubatan Secara Langsung

Nas pengubatan secara langsung adalah merupakan nas al-Quran dan Hadis yang diturunkan dan diungkapkan bagi tujuan pengubatan dan penyembuhan secara khusus. Ia sama ada menggunakan nas itu sendiri ataupun nas tersebut memberikan maklumat-maklumat berkenaan dengan pengubatan atau penyembuhan. Nas-nas ini dikenalpasti melalui sebab turun ayat dan sebab *wurud* Hadis. Sebagai contoh sebahagian ayat dan surah dalam al-Quran diturunkan bagi mengubati Nabi SAW iaitu Surah al-Ikhlâs, al-'Alaq dan al-Nas. Sebagaimana juga ada Hadis yang diungkapkan sebagai jampi daripada Rasulullah SAW.

#### ii. Nas Pengubatan Secara Ijtihad

Nas pengubatan secara ijtihad adalah merupakan nas al-Quran dan Hadis yang tidak diturunkan secara khusus bagi tujuan pengubatan dan penyembuhan tetapi digunakan oleh para pengamal untuk tujuan pengubatan dan penyembuhan. Pendayaan nas-nas tersebut sebagai medium pengubatan dan penyembuhan adalah berdasarkan kepada beberapa hujah:

Ayat al-Quran secara amnya adalah merupakan ubat. Ini berdasarkan kepada firman Allah Taala:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَاهُوشَفَاءً وَرَحْمَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

*Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

Surah al-Isra' (17): 82

Rasulullah SAW juga turut menerangkan tentang peranan al-Quran sebagai penyembuh:

عَلَيْكُمْ بِالشِّفَائِينَ : الْعَسَلُ وَالْقُرْآنُ

*Hendaklah kamu menggunakan dua penyembuh: madu dan al-Quran.*<sup>76</sup>

Di samping itu, kaedah yang digunakan oleh para ulama dalam mentafsirkan al-Quran adalah:

الْعِبْرَةُ بِغُمُومِ اللَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبَبِ

Kaedah ini menjelaskan bahawa pendeduksian atau pengeluaran hukum dan manfaat daripada al-Quran tidak semestinya mempunyai perkaitan langsung dengan sebab turun ayat tersebut. Ianya boleh dimanfaatkan secara am dan meluas dengan melihat kepada keserasian dan kesesuaian sesuatu ayat itu, melainkan jika ada pengkhususan ayat tersebut dengan sebab tertentu.<sup>77</sup>

Walaupun terikat dengan sumber wahyu, perubatan yang berdimensikan tauhid tidak menghalang perkembangan dan pengembangan serta amalan dalam perubatan yang tidak dinyatakan dalam kedua-dua sumber tersebut. Perlu dipertegas bahawa apa-apa jua aspek dalam pengubatan tidak boleh bertentangan dengan kedua-dua sumber utama tersebut.

Hakikat ini perlu diperakui kerana al-Quran dan Hadis tidak menyatakan keseluruhan perkara secara detail dan terperinci. Sebahagian aspek dalam kehidupan manusia tidak dinyatakan. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فَرَضَ فَرَائِضَ فَلَا تَضِيعُوهَا، وَحَدَّ حُدُوداً فَلَا تَعْتَدُوهَا، وَحَرَّمَ أَشْيَاءَ فَلَا تَنْتَهَكُوهَا، وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءَ رَحْمَةً لَكُمْ غَيْرَ نَسْيَانٍ، فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا.

!

*Sesungguhnya Allah Taala telah menfardukan beberapa kefarduan, maka jangan kamu semua meninggalkannya. Dia juga telah meletakkan beberapa batasan, maka jangan kamu semua melangkauinya. Dia juga telah mengharamkan beberapa perkara, maka jangan kamu semua melakukannya. Dia juga telah berdiam daripada beberapa perkara sebagai kerahmatan kepada kamu semua, bukannya kelupaan, maka jangan kamu semua mendalaminya.*<sup>78</sup>

Justeru, perubatan Islam tidak hanya terikat dengan al-Quran dan Hadis sahaja. Sumber-sumber lain selain daripada al-Quran dan Hadis wajar diketengahkan. Lebih-lebih lagi apabila sumber-sumber itu turut disinggung secara langsung atau tidak langsung oleh kedua-dua sumber utama di atas.

**Soalan 10:**

*Saya bermimpi didatangi oleh seseorang yang mengajarkan kepada saya beberapa kaedah pengubatan. Bolehkah saya mengamalkannya dan apakah pandangan syarak mengenai perkara ini?*

**Jawapan:**

Mimpi<sup>79</sup> ialah sesuatu yang terlihat atau dialami dalam tidur.<sup>80</sup> Justeru ia merupakan suatu realiti yang berlaku kepada manusia walaupun kandungan mimpi itu masih terdedah kepada kebenaran atau kebatilan. Al-Quran mengungkap tentang mimpi yang dilalui oleh manusia biasa yang boleh ditafsir dan ditakbirkan:

وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَتَانِ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَعْصِرُ خَمْرًا وَقَالَ الْآخَرُ إِنِّي  
أَرَانِي أَحْمِلُ فَوْقَ رَأْسِي خُبْرًا تَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْهُ نَبِّئْنَا بِتَأْوِيلِهِ إِنَّا نَرَاكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ \* قَالَ  
لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا بِتَأْوِيلِهِ قَبْلَ أَنْ يَأْتِيَكُمَا ذَلِكَمَا عَلَّمَنِي  
رَبِّي إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ كَافِرُونَ

Masuklah bersama-samanya ke penjara dua orang khadam raja. Salah seorang daripada mereka (bertanya kepada Yusuf a.s. dengan) berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur”. Berkata pula yang seorang lagi: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku menjunjung roti atas kepalaku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung.” (kemudian keduanya berkata): “Terangkanlah kepada kami akan takbirnya. Sesungguhnya kami memandangmu dari orang-orang yang berbuat kebaikan (untuk umum)”. Yusuf a.s. menjawab: “(Aku bukan sahaja dapat menerangkan takbir mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan aku juga dapat memberitahu kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian dari apa yang diajarkan kepadaku oleh Tuhanku. Dengan sebab itu aku meninggalkan ugama kaum yang tidak beriman kepada Allah serta tidak pula percayakan hari Akhirat.

Surah Yusuf (12): 36-37

Demikian juga Hadis Nabi SAW turut menyinggung tentang mimpi dengan sebutan yang amat baik:

الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ مِنَ اللَّهِ وَالرُّؤْيَا السَّوْءُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Mimpi baik itu adalah daripada Allah dan mimpi buruk daripada syaitan.<sup>81</sup>

Begitu juga sabda baginda SAW:

إِذَا اقْتَرَبَ الزَّمَانُ لَمْ تَكْذُرُؤِيَا الْمُسْلِمُ تَكْذِبُ وَأَصْدَقُكُمْ رُؤْيَا أَصْدَقُكُمْ حَدِيثًا وَرُؤْيَا الْمُسْلِمِ جُزْءٌ مِنْ خَمْسٍ وَأَرْبَعِينَ جُزْءًا مِنَ النَّبُوءَةِ وَالرُّؤْيَا ثَلَاثَةٌ فَرُؤْيَا الصَّالِحَةِ بُشْرَى مِنْ اللَّهِ وَرُؤْيَا تَحْزِينٍ مِنَ الشَّيْطَانِ وَرُؤْيَا مِمَّا يُحْدِثُ الْمَرْءُ

*Apabila masa menjadi semakin menghampiri, hampir-hampir tidak mimpi seorang muslim itu membohongi. Orang yang paling benar mimpinya adalah orang yang paling benar kata-katanya. Mimpi seorang muslim itu adalah sejuzuk daripada 45 juzuk kenabian. Mimpi itu tiga bahagian; mimpi baik yang merupakan berita gembira daripada Allah, mimpi buruk daripada syaitan dan mimpi yang seseorang itu membisikkan ke dalam dirinya.<sup>82</sup>*

Dilihat dalam perjalanan para ulama, mimpi merupakan antara sumber yang digunakan dalam urusan yang berkaitan dengan pengubatan. Al-Subki menyatakan bahawa suatu ketika, anak lelaki Imam al-Qushayri telah demam. Al-Qushayri merasa amat risau hinggalah beliau bermimpi berjumpa dengan Allah Taala di dalam tidurnya dan mengadu kepadaNya. Di dalam mimpi, diilhamkan kepada beliau supaya membaca ayat-ayat *shifa'* ke atas anaknya dan menulis ayat-ayat tersebut di dalam bekas dan dituangkan minuman ke dalamnya dan diberi minum. Maka dengan izin Allah sembuhlah demam anaknya.<sup>83</sup>

Mimpi juga menjadi sumber untuk mendapatkan maklumat daripada alam ghaib bagi sebahagian ulama. Diriwayatkan bahawa Abu Turab al-Maraghi telah bermimpi berjumpa dengan al-Qushayri selepas kematian beliau. Al-Qushayri telah berkata kepada beliau: “Aku dalam keadaan kehidupan yang paling baik dan sesempurna kerehatan.”<sup>84</sup>

Tidak dapat dinafikan, kedapatan sebahagian sarjana yang menolak penggunaan mimpi sebagai sebahagian daripada sumber bagi pengubatan Islam.<sup>85</sup> Penolakan para sarjana terhadap mimpi dilihat berasaskan kepada beberapa hujah:

- i. Kaedah *sad al-dhara'i'*. Ia bertujuan bagi menolak keburukan yang terhasil daripada mimpi yang dimanipulasi oleh jin dan syaitan.
- ii. Semua orang boleh mendakwa mempunyai mimpi masing-masing. Justeru, sebagaimana ilham, mimpi juga boleh dimanipulasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.
- iii. Ilmu berasaskan mimpi tidak mempunyai keberkatan kerana diambil tanpa mempunyai sanad yang jelas.<sup>86</sup>

Walaupun kaedah *sad al-dhara'i'*<sup>87</sup> merupakan kaedah yang diterima pakai oleh para ulama Islam, namun begitu untuk menghalang sepenuhnya pemanfaatan daripada sumber ini adalah suatu yang melampaui batasan wahyu. Dakwaan mimpi oleh mana-mana individu bukan merupakan suatu hujah kerana tidak semua mimpi boleh diterima sebagaimana yang diberitakan oleh Rasulullah SAW. Sehubungan dengan itu adalah dicadangkan bahawa mimpi boleh diterima pakai dengan tiga garis panduan:

- i. Tidak bercanggah dengan syarak

- ii. Tafsiran dibuat oleh orang yang mahir dan faqih.
- iii. Sekiranya kaedah tersebut diketahui oleh seseorang yang alim, maka wajar orang yang mendapat ilmu tersebut menyemaknya dengan orang alim tersebut.

**Soalan 11:**

***Sejauhmanakah ilham boleh dijadikan sumber kepada amalan pengubatan?***

**Jawapan:**

Ilham<sup>88</sup> adalah merupakan kata bahasa Arab yang berasal dari kata dasar lahima yang bermaksud menelan atau meneguk sesuatu.<sup>89</sup> Al-Raghib menyatakan makna ilham sebagai “melemparkan sesuatu ke dalam jiwa, ia khusus dari pihak Allah Taala ataupun malaikat”<sup>90</sup> Al-Jurjani pula memberi pengertian ilham sebagai “sesuatu yang dilemparkan di dalam hati dengan cara limpahan. Dikatakan juga, ilham itu adalah sesuatu yang jatuh di dalam hati yang berbentuk pengetahuan dan ianya mengajak kepada amal tanpa konklusi daripada ayat dan melihat kepada hujah.”<sup>91</sup>

Ibn Manzur memberikan definisi ilham sebagai: “Allah melemparkan di dalam jiwa seseorang itu, sesuatu yang membantu melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara, dan ianya adalah sebahagian daripada jenis wahyu”.<sup>92</sup> Kamus Dewan turut memberikan makna yang hampir sama dengan takrif di atas bagi kata ilham: “petunjuk daripada tuhan (terbit di hati)...”<sup>93</sup>

Al-Quran menegaskan bahawa ilham daripada Allah Taala datang dengan nilai yang baik dan nilai yang jahat:

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا

*Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa;*

Surah al-Shams (91): 8

Ilham berbentuk kefasikan datang daripada syaitan manakala ilham yang berbentuk ketaqwaan datang daripada para Malaikat.<sup>94</sup> Namun begitu, penggunaan ilham sering dihadkan pengertiannya kepada nilai-nilai ketakwaan sahaja sepertimana perbincangan di atas.

Kewujudan ilham sebagai sumber kepada ilmu pengetahuan secara amnya dapat dideduksikan daripada beberapa hujah:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا آمِنًا وَهُدًى مِّنْ عِندِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِمَّا لَدُنَّا عِلْمًا

*Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi kami.*

Surah al-Kahf (18): 65<sup>95</sup>

Al-Fakhr al-Razi ketika membahaskan ayat ini menyatakan dua cara kepada pengetahuan iaitu menggunakan penaakulan akal dan mujahadah serta riyadah yang keduanya menghasilkan ilmu.<sup>96</sup> Adapun dengan cara mujahadah dan riyadah, ia merupakan ilmu pemberian daripada Allah tanpa melalui medium penaakulan. Rasulullah SAW telah bersabda:

قَدْ كَانَ يَكُونُ فِي الْأَمَمِ قَبْلَكُمْ مَحْدَثُونَ فَإِنْ يَكُنْ فِي أُمَّتِي أَحَدٌ  
فَإِنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ مِنْهُمْ

*Telah ada dalam umat-umat sebelum kamu muhdathun (orang yang diberi ilham).  
Sekiranya ada seorang dalam kalangan umatku ini maka dia adalah 'Umar bin al-Khattab'.<sup>97</sup>*

Temuramah dengan salah seorang daripada pengamal pengubatan Islam menceritakan tentang kisah pengubatan beliau merawat seorang yang tidak sedar dalam masa yang panjang. Proses pengubatan yang dilakukan oleh sekumpulan perawat tidak berjaya menyedarkan pesakit. Sehingga salah seorang perawat bersolat hajat memohon kepada Allah Taala untuk diberikan petunjuk. Lantas terlintas dalam hati beliau untuk membacakan Selawat Ibrahimiyah ke atas pesakit. Usai bacaan selawat terus dipanggil nama pesakit dan pesakit menyahut seruan namanya dan kelihatan sedar serta pulih.<sup>98</sup>

Namun begitu, kedapatan sebahagian daripada sarjana yang menolak ilham sebagai sumber kepada pengetahuan. Antara sebab penolakan mutakallimun terhadap ilham (termasuk juga kasyaf) adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. 'Ali al-Nashshar "Sumber ini mempunyai persamaan dengan ghunusiyyah<sup>99</sup> yang ditakrifkan sebagai sampai kepada pengetahuan tertinggi dengan satu bentuk kasyaf."<sup>100</sup>

Al-'Allamah al-Farani menyatakan empat hujah dalam menolak penghujahan ilham:

- i. Ia bertentangan dengan ilham yang berlawanan dengannya, yakni ditakdirkan kewujudan dua ilham daripada dua orang yang bertentangan.
- ii. Ia disamakan dengan bisikan dan was-was, yang mana kemungkinan suatu ilham itu adalah betul dan kemungkinan juga adalah merupakan mainan syaitan.
- iii. Ia bertentangan dengan ayat-ayat dan Hadis-hadis yang menyeru manusia supaya menuntut ilmu seperti firmanNya

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ  
مَسْئُولًا

Surah Al-Isra' (17) : 36

- iv. Dalil ijmak menunjukkan bahawa tidak harus menerima perkataan rasul (mana-mana rasul) kecuali selepas dizahirkan mukjizat.<sup>101</sup>

Walaupun wujud pandangan yang berbeza dalam masalah ini, dapat dirumuskan bahawa ilham merupakan suatu istilah yang menunjukkan kepada suatu sumber ilmu yang mulia dan baik yang boleh digunapakai. Oleh kerana sumber ini boleh sahaja dimanipulasi oleh sesiapa sahaja, maka amat wajar sumber ilham dinilai dengan kritis berdasarkan kepada neraca syariat. Sekiranya ilham itu merupakan perkara yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan

al-Sunnah, maka sudah pasti ia merupakan ilmu yang bermanfaat.102 Hakikat ini dinyatakan oleh Abu al-Hassan al-Shadhili:

إِذَا تَعَارَضَ كَشْفُكَ مَعَ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ فَتَمَسَّكَ بِالْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ  
وَدَعِ الْكُشْفَ وَقُلْ لِنَفْسِكَ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى ضَمَنَ لِي الْعِصْمَةَ فِي  
الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ وَلَمْ يَضْمَنْهَا فِي جَانِبِ الْكُشْفِ وَلَا الْإِلْهَامِ.

*Apabila bertembung kasyafmu dengan Kitab dan Sunnah, maka berpeganglah dengan Kitab dan Sunnah dan tinggalkan kasyaf. Katakan kepada dirimu: Sesungguhnya Allah telah menjamin keselamatan dengan Kitab dan Sunnah dan Dia tidak menjaminkannya pada kasyaf dan tidak juga ilham.<sup>103</sup>*

**Soalan 12:**

*Saya berkawan dengan rakan-rakan yang bukan Islam dan mereka telah mengajarkan saya kaedah-kaedah pengubatan berasaskan pengalaman mereka. Bolehkah saya menggunakannya?*

**Jawapan:**

Pengalaman bermaksud apa-apa yang telah dialami (dirasai, ditempuh).<sup>104</sup> Pengalaman yang dimaksudkan di sini boleh difahami dengan maknanya yang luas meliputi pengalaman yang dilalui oleh manusia secara amnya, khususnya golongan ulama,<sup>105</sup> pengamal pengubatan sendiri atau pengamal pengubatan yang lain dan ujikaji yang dilakukan melalui metode keilmuan dan saintifik.

Secara amnya pengalaman didasarkan kepada nas al-Quran dan Hadis yang menggalakkan manusia berfikir dan bertafakur tentang persekitaran yang melingkungi kehidupan:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ \* وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ \* وَإِلَى الْجِبَالِ  
كَيْفَ نُصِبَتْ \* وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ \*

*(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?*

Surah al-Ghashiyah (88): 17-20

Sehubungan dengan itu, Allah turut mencela mereka yang tidak mahu berfikir:

وَكَأَيِّنْ مِنْ آيَةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ

*Berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang-ulang semasa mereka pergi dan datang, sedang mereka tidak juga menghiraukan dan memikirkannya.*

Surah Yusuf (12): 105

Rasulullah SAW telah membayangkan kepada kita bahawa petunjuk dan kebaikan itu boleh didapati daripada mereka yang berada pada kedudukan tertentu. Rasulullah SAW turut menyarankan kepada umat Islam mengikuti sunnah al-Khulafa' al-Rashidin, di samping sunnah baginda sendiri yang menjadi teras:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمُهَدِّينَ الرَّاشِدِينَ تَمَسَّكُوا بِهَا  
وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ

*Maka berpeganglah kamu dengan sunnahku dan sunnah al-Khulafa' al-Rashidin.  
Genggamlah ia seperti menggunakan genggam pada geraham kamu.<sup>106</sup>*

Rasulullah SAW turut memperingatkan kita agar mengambil pengajaran daripada apa yang telah berlaku:

لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ

*Seorang mukmin tidak akan dipatuk daripada lubang yang sama dua kali.<sup>107</sup>*

Imam al-Bukhari turut meriwayatkan athar daripada sahabat dalam membincangkan Hadis di atas:

وَقَالَ مُعَاوِيَةُ لَا حَكِيمَ إِلَّا ذُو تَجْرِبَةٍ

*Kata Mu'awiyah: Tiada orang yang bijaksana melainkan dengan mempunyai pengalaman.<sup>108</sup>*

Dalam kalangan responden yang memberikan maklum balas turut mengakui penemuan bahan-bahan dan kaedah-kaedah pengubatan berdasarkan pengalaman. Kayu pokok nona yang dijadikan sebagai bahan pengubatan adalah berdasarkan kepada pengalaman penggunaan pelbagai jenis kayu. Maka didapati penggunaan kayu ini mengurangkan kesan sampingan negatif terhadap pesakit. Ianya juga ditemui secara tidak sengaja oleh salah seorang perawat di Terengganu.<sup>109</sup>

Pengalaman yang dapat dijadikan sumber kepada pengubatan Islam tidak semestinya datang daripada orang Islam sahaja. Dapatan yang dilalui dan dikemukakan oleh orang bukan Islam juga boleh digunakan selama mana ia tidak bercanggah dengan syarak. Secara umumnya Rasul SAW telah bersabda:

الْكَلِمَةُ الْحَكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

*Kata-kata bijaksana itu adalah merupakan kehilangan orang-orang mukmin, maka dimana sahaja dia dapatinya maka dia lebih berhak ke atasnya.<sup>110</sup>*

Rasul juga menilai bacaan jampi yang dilakukan oleh para sahabat daripada amalan-amalan yang diperturunkan sejak zaman jahiliyyah:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقَى فَجَاءَ آلُ عَمْرِو  
بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ  
إِنَّهُ كَانَتْ رُقِيَةً نَزَقِي بِهَا مِنَ الْعُقَرَبِ وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقَى  
قَالَ فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ فَقَالَ مَا أَرَى بِأَسَا مِنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ  
أَخَاهُ فَلْيَنْفَعْهُ

*Rasulullah SAW telah melarang dari jampi-menjampi. Maka datanglah keluarga Amr Ibn Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah SAW, kami mempunyai jampi yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada menjampi.” Lalu mereka membacakan jampi tersebut kepada Nabi SAW (bagi mendapat kepastian). Maka sabda Nabi SAW; “Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa di antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.”<sup>111</sup>*

Dilihat dalam amalan semasa, beberapa kaedah yang digunakan adalah merupakan warisan terdahulu yang diselarikan dengan kehendak syarak. Antaranya teknik rawatan santau dengan menggunakan kaedah tepuk daun nangka. Ia adalah amalan rawatan tradisional yang diislamkan dengan meninggalkan mantera bahasa Jawa dan bahasa Melayu lalu digantikan dengan ayat-ayat al-Quran, selawat dan doa.<sup>112</sup> Secara amnya, selepas kehadiran dan penerimaan Islam secara meluas oleh masyarakat Melayu, aspek-aspek tertentu dalam pengamalan perbomohan dalam masyarakat Islam turut diubah agar serasi dengan ajaran Islam.<sup>113</sup> Namun begitu, sebahagian pengamal pengubatan Islam masih menolak “pengislaman” kaedah perubatan dalam institusi perbomohan.<sup>114</sup>

Kedapatan juga penemuan-penemuan yang didapati menyerupai kaum bukan Islam seperti penggunaan kayu nona dan cuka getah bagi menghalau dan menghapuskan jin. Ia merupakan sebahagian daripada amalan dan kepercayaan orang Cina.<sup>115</sup>

Dapat dirumuskan bahawa pengalaman yang diperakui oleh al-Quran dan Hadis ataupun tidak bercanggah dengan mana-mana kaedah syarak serta tidak menimbulkan kemudaratannya boleh dimanfaatkan dalam perubatan Islam.

**Soalan 13:**

*Apakah panduan al-Quran bagi membina ketahanan dalaman untuk membenteng diri dari gangguan jin dan syaitan?*

**Jawapan:**

Al-Quran menyatakan tiga sifat yang menjadi kekuatan kepada manusia daripada pengaruh jin dan syaitan:

- i. Perhambaan. Firman Allah Taala:

إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ إِلَّا مَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْغَاوِينَ

*Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri).*

Surah al-Hijr (15): 42

- ii. Tawakkal. Firman Allah Taala:

إِنَّهُ لَيْسَ لَهُ سُلْطَانٌ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

*Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai sebarang pengaruh terhadap orang-orang yang beriman dan yang berserah bulat-bulat kepada Tuhan mereka.*

Surah al-Nahl (16): 99

- iii. Keikhlasan. Firman Allah Taala:

قَالَ فَبِعِزَّتِكَ لَأُغَوِّيَهُمْ أَجْمَعِينَ \* إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلَصِينَ

*Iblis berkata: “Demi kekuasaanMu (wahai Tuhanku), aku akan menyesatkan mereka semuanya, kecuali hamba-hambaMu di antara zuriat-zuriat Adam itu yang diikhlasakan”.*

Surah Sad (38): 82-83

Oleh itu, setiap individu muslim perlulah menghayati sifat-sifat di atas sebagai usaha untuk membentengi diri daripada gangguan jin dan syaitan. Pada masa yang sama, dianjurkan membaca ayat al-kursi, tiga qul, dan doa-doa pendinding diri sebagai wirid harian.





# 40

*soal jawab*

PENGUBATAN  
ISLAM

BAHAGIAN KEDUA  
PERAWAT



**Soalan 14:**

*Saya keliru dengan istilah bomoh, dukun dan pawang serta perawat pengubatan Islam. Apakah perbezaan bagi istilah-istilah tersebut?*

**Jawapan:**

Menurut Kamus Dewan, perawat ialah orang yang merawat. Manakala merawat diertikan sebagai memelihara, menyelenggara, membela, menjaga (orang sakit dan lain-lain) dengan memberi ubat dan sebagainya.<sup>1</sup> Bomoh pula ialah tabib kampung yang mengubati orang sakit dengan menggunakan ubat tradisional atau cara kampung, jampi-jampi yang tertentu dan sebagainya. Termasuk juga dalam istilah ini ialah tok pawang dan dukun.<sup>2</sup> Lazimnya, bomoh yang dikategorikan sebagai bahaya dalam masyarakat Melayu ialah bomoh yang bekerja untuk menimbulkan kesusahan dan huru-hara kepada orang lain. Di samping itu, dia mengamalkan ilmu sihir atau ilmu hitam. Antara punca masyarakat Melayu menggunakan khidmat bomoh ini adalah kerana perasaan hasad dengki atas kejayaan orang lain, masalah rumahtangga, benci akan seseorang dan untuk menjatuhkan maruah seseorang.

Dapat dirumuskan bahawa pengertian perawat adalah umum, meliputi perawat yang benar dan perawat yang batil. Manakala perkataan bomoh, dukun dan pawang walaupun turut mempunyai pengertian yang elok, namun pemaknaannya tidak sunyi daripada nilai-nilai yang bercanggah dengan syarak seperti penggunaan sihir dan penyingkapan ghaib.

Sebagai maklumat tambahan, terdapat juga istilah-istilah lain yang berkaitan iaitu *kahanah* dan *'arraḥ*. *Kahanah* bermaksud orang yang boleh meramal perkara yang akan berlaku atau mengkhabarkan perkara-perkara ghaib dan apa yang tersirat dalam hati dengan pertolongan makhluk halus. Manakala *'arraḥ* pula individu yang mendakwa mengetahui perkara-perkara tertentu dengan beberapa pendahuluan atau petanda seperti mengetahui kecurian, tempat kehilangan dan tempat sesuatu benda.<sup>4</sup>

**Soalan 15:**

*Saya ada mendengar cerita tentang seorang bomoh kanak-kanak, di utara tanah air, yang dapat mengubati pelbagai penyakit. Bolehkah kanak-kanak yang belum baligh menjalankan pengubatan Islam?*

**Jawapan:**

Antara ciri utama kesempurnaan taklif ialah baligh. Menurut Kamus Dewan, baligh bermaksud cukup umur atau dewasa (mengikut pandangan Islam, biasanya apabila mencapai umur antara 9 hingga 12 tahun bagi perempuan manakala 12 hingga 15 tahun bagi lelaki).<sup>5</sup> Perawat yang tidak baligh boleh menjalankan pengubatan Islam tetapi dengan syarat ada pengawasan daripada pemantau berkelayakan. Hal ini bertujuan untuk memastikan kompetensi rawatan yang dijalankan oleh perawat tersebut. Peringkat manusia yang ada kelayakan ini ialah mumaiyiz. Mengikut jumhur ulama, umur bagi kanak-kanak yang mumaiyiz adalah pada usia 7 tahun. Pada adat kebiasaannya, kanak-kanak yang mumaiyiz ini dikatakan mencapai

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

tahap mumaiyiz apabila ia sudah dapat membezakan antara perkara yang baik atau sebaliknya. Walaupun kanak-kanak yang mumaiyiz mengerti setiap yang tidak fahami oleh kanak-kanak yang tidak mumaiyiz, tetapi pemahamannya itu tidaklah selengkap pemahaman orang yang telah mempunyai akal yang sempurna.<sup>6</sup> Sabda Nabi SAW:

أَنَّ الْقَلَمَ رُفِعَ عَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يُفِيقَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يُدْرِكَ  
وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ

“Digugurkan beban taklif itu atas tiga hal; orang gila sampai sembuh, anak kecil sampai dia mengerti dan orang tidur sampai bangun.”<sup>7</sup>

Namun begitu, jika seseorang kanak-kanak yang belum baligh ingin menjalankan pengubatan Islam maka mestilah dia diiringi wali yang paling hampir. Hal ini berkaitan konsep *ahliyyah al-ada’al-naqisah*, iaitu mereka ada kelayakan menerima dan melaksanakan tanggungjawab tetapi kelayakan melaksanakan tidak sempurna. Dengan kata lain, kelayakan melaksanakan sesuatu pengurusan atau tindakan diberikan tetapi tidak semua boleh dilaksanakan secara bersendirian, ia mesti bergantung dengan pihak yang lain iaitu wali.

Mumaiyiz tidak boleh disamakan dengan kanak-kanak biasa yang belum mumaiyiz. Ini adalah kerana kumpulan mumaiyiz telah diletakkan tanggungjawab yang relatif seperti perintah untuk dididik mendirikan solat:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرُّوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ  
أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ  
فِي الْمَضَاجِعِ

Suruhlah mereka bersolat ketika umur mereka tujuh tahun, dan rotanlah mereka kerana tidak solat ketika berumur sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur mereka.<sup>8</sup>

Al-Ghazali turut membezakan antara kanak-kanak biasa dengan kanak-kanak yang *mumayyiz*: “Iaitu *mukallaf*, syaratnya hendaklah dia berakal memahami perkataan. Maka tidak sah *khitab* (arahan) kepada benda dan binatang, juga *khitab* (arahan) kepada orang gila dan kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* kerana taklif itu tuntutan adalah ketaatan dan kepatuhan.”<sup>9</sup> Kesimpulannya, kanak-kanak muslim yang mumaiyiz boleh menjalankan pengubatan Islam dengan pemantauan wali atau penjaganya.

### Soalan 16:

*Dahulu, apabila kawan saya sakit, dia kerap pergi menjalani rawatan Islam di suatu tempat. Tetapi, sejak akhir-akhir ini, dia sudah tidak ke sana kerana upahnya agak tinggi dan membebankannya. Bolehkah perawat pengubatan Islam mengenakan bayaran kepada pesakit ?*

**Jawapan:**

Isu yang ditimbulkan ini adalah berkaitan upah yang diterima oleh seseorang perawat. Dalam isu ini, Ibn Qudamah dalam kitab *al-Mughni* menyatakan bahawa Imam Ahmad memilih pandangan yang mengatakan mengambil upah *ruqyah* adalah harus. Begitu juga pandangan Ibn Hazm dalam kitab *al-Muhalla*. Pandangan ini turut disokong oleh Dr. al-Buti dalam kitab beliau *Fiqh Sirah* menyatakan bahawa Malik, Syafi'i, Ahmad, Ishaq, Abu Thur dan AbuHanifah berpendapat harus mengambil upah rawatan *ruqyah*. Pandangan ulama tersebut bersandarkan beberapa Hadis. Antaranya ialah riwayat Imam Muslim:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوا فِي سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضَيِّقُوهُمْ فَقَالُوا لَهُمْ هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنْ سَيِّدَ الْحَيِّ لَدَيْغٍ أَوْ مُصَابٍ فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَقَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأَعْطِيَ قَطِيعًا مِنْ غَنَمِ فَأَبَى أَنْ يَقْبَلَهَا وَقَالَ حَتَّى أَذْكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقِيتُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَتَبَسَّمَ وَقَالَ وَمَا أَدْرَاكَ أَنَّهَا رُقِيَةٌ ثُمَّ قَالَ خُذُوا مِنْهُمْ وَاضْرِبُوا لِي بِسَهْمٍ مَعَكُمْ

*Pada suatu ketika, sebahagian para sahabat Rasulullah SAW bermusafir lalu mereka melalui sebuah perkampungan Arab. Mereka meminta untuk dijadikan tetamu tetapi penduduk di situ enggan menemui mereka. Kemudian mereka (penduduk kampung) bertanya, "Adakah di kalangan kamu orang yang boleh menjampi? Ketua kampung ini disengat atau ditimpa musibah." Berkata salah seorang sahabat, "Baiklah". Beliau datang kepada pesakit itu dan menjampi dengan al-Fatihah lalu ia pun sembuh. Sahabat ini diberikan sekumpulan kambing tetapi enggan menerimanya dan ia berkata. "Tunggu sehingga aku ceritakan terlebih dahulu perkara ini kepada Rasulullah." Sahabat ini datang berjumpa Nabi lalu menceritakan jampi al-Fatihah sahaja. "Baginda tersenyum sambil bersabda, "Bagaimanakah engkau mengetahui bahawa ini (Surah al-Fatihah) adalah ruqyah? Ambillah daripada mereka ganjaran (sekumpulan kambing) dan berikan kepadaku satu bahagian."'<sup>10</sup>*

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dibolehkan mengambil ganjaran (bukan sedekah) daripada usaha rawatan *ruqyah* sama ada ditentukan kadarnya atau tidak, tetapi tidak membebankan pesakit.<sup>11</sup> Sesetengah perawat menegaskan bahawa perawat tidak boleh menetapkan kadar upah yang membebankan pesakit tetapi terpulang kepada pesakit untuk membayar upah mengikut kemampuan mereka.<sup>12</sup> Selain itu, perawat tidak dibenarkan mensyaratkan pengeras untuk sesuatu rawatan berupa wang atau harta benda. Hal ini kerana pengeras pada hakikatnya merupakan janji antara perawat dengan jin sebagai imbalan

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

yang perlu disempurnakan dan juga melambangkan kepatuhan perawat kepada jin. Amalan ini adalah merupakan syirik yang jelas walaupun jumlah pengeras tersebut hanyalah satu sen. Ini adalah berdasarkan kepada kisah dua orang yang telah memberikan sejumlah kecil wang kepada patung bagi melalui jalan yang terhalang. Walau pun jumlah yang kecil sahaja diberikan, ia sudah mencukupi sebagai tanda kesyirikan manusia.<sup>13</sup>

### Soalan 17:

***Apabila saya berjumpa dengan seorang perawat, dia mendakwa dirinya kasyaf, iaitu dapat mengetahui dan melihat perkara-perkara ghaib. Bolehkah perawat pengobatan Islam mengisytiharkan dirinya kasyaf?***

### Jawapan:

Terdapat perawat melakukan perkara yang aneh dan luar biasa walaupun kelihatan seolah-olah selari dengan syariat Islam. Antara perbuatan tersebut ialah melakukan pembedahan batin, menangkap jin dan mengurungnya dalam botol, membaca hati pesakit, mengaku menerima kasyaf, mendapat keramat dan sebagainya. Malah, golongan yang melakukan perbuatan ini turut digelar ustaz oleh sesetengah masyarakat yang mempercayainya. Malah, kekeliruan untuk mempercayai perkara seperti ini bukan sahaja berlaku kepada masyarakat hari ini, bahkan telah berlaku sejak zaman Nabi Sulaiman a.s.. Kaum Nabi Sulaiman a.s. terkeliru antara mukjizat baginda dengan sihir yang diajarkan oleh syaitan dan jin kepada manusia.

Kasyaf atau ladunni bermaksud penyingkapan rahsia-rahsia alam ghaib melalui pandangan mata hati. Ia termasuk karamah yang mencari adat yang dikurniakan kepada wali Allah SWT dan mestilah tidak bercanggah dengan kaedah agama dan hukum syarak yang telah disepakati.<sup>14</sup> Apabila seseorang bercakap tentang sesuatu yang ghaib yang tidak diketahuinya secara yakin bermakna dia telah berbohong.<sup>15</sup> Walhal firman Allah tentang diri baginda SAW:

..... وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَا سَتَكُنْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ .....<sup>16</sup>

*(Aku tidak mengetahui yang ghaib), jika aku mengetahui yang ghaib nescaya aku dapat membuat banyak kebaikan.*

Surah al-A'raf (7):188

Tambahan pula, Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran :

..... وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُوا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى .....<sup>17</sup>

*“Dan orang yang mengambil pelindung selain daripada Allah (berkata): Kami tidak menyembah mereka (berhala-berhala) itu melainkan agar berhala-hala itu mendapatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya.”*

Surah al-Zumar (39): 3

Berdasarkan keterangan ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad SAW tersebut maka dapatlah disimpulkan bahawa perkara yang mendorong mereka mengaku kasyaf dan melakukan sesuatu yang ghaib atau luar biasa kerana terdapat syaitan atau jin yang menjadi pembantu atau sahabat kepada mereka.<sup>16</sup> Demi memastikan seseorang percaya dan yakin akan perkara tersebut, maka sesetengah bomoh akan berselindung dengan kata-kata yang dapat menggambarkan bahawa apa-apa yang diperkatakannya itu datang daripada Allah. Mereka juga mengakui sentiasa berpegang teguh akan kekuasaan dan kehendak Allah. Dakwaan mengetahui perkara-perkara ghaib kerap kali berlaku ketika perawat berdialog dengan para pesakit. Apabila seseorang perawat bercakap tentang sesuatu yang ghaib dan tidak diketahuinya secara yakin bererti dia telah berbohong. Malah mereka melakukannya tanpa berasa bersalah atau berdosa.<sup>17</sup> Ingin ditegaskan bahawa perkara itu bukan kasyaf dan bukan keramat tetapi bisikan syaitan atau jin semata-mata. Penegasan ini bersandarkan hujah yang dikemukakan oleh Syeikh Abdul Rahman Hasan seperti berikut:<sup>18</sup>

*“Kebanyakan apa-apa yang berlaku dalam kalangan umat Islam sekarang ini bahawa perkara-perkara ghaib yang disampaikan oleh jin-jin itu kepada sahabatnya daripada kalangan manusia disangkakan sebagai keramat dan kasyaf oleh orang yang jahil. Dan memang sudah menjadi perkara biasa sahaja menurut anggapan orang ramai bahawa orang yang menyampaikan perkhabaran ghaib seperti itu sebagai wali Allah, sedangkan yang sebenarnya orang tersebut ialah wali syaitan”*

Walau bagaimanapun kasyaf memang boleh berlaku kepada orang mukmin yang hampir dengan Allah. Tetapi kasyaf yang telah dikurniakan oleh Allah kepada orang tersebut adalah sebagai suatu ujian dan rahsia antara dirinya dengan Allah. Ini adalah kerana kasyaf merupakan sebahagian daripada keramat atau kekeramatan yang dikurniakan oleh Allah SWT. Oleh itu, kasyaf perlu dirahsiakan dan tidak boleh diceritakan dengan sewenang-wenangnya. Dalam kitab-kitab tasawuf terdapat keterangan bahawa keramat mesti disembunyikan kerana ia merupakan suatu ujian bagi orang yang menerimanya. Jika diceritakan atau dihebohkan maka keramat itu akan menjadi hijab kepadanya.<sup>19</sup> Oleh itu, perawat tidak boleh mendakwa dirinya kasyaf kerana dakwaan tersebut adalah bohong dan bertentangan dengan ajaran Nabi SAW. Sehubungan dengan itu, dakwaan menentukan jumlah jin atau makhluk halus adalah termasuk dalam kategori tanggapan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya. Ini adalah kerana perkara ghaib merupakan sesuatu yang tidak diketahui melainkan Allah SWT. Larangan daripada dakwaan ini juga adalah menepati kaedah *sadd al-dhara'i'* untuk mengelak berlakunya fitnah.

#### **Soalan 18:**

***Saya berhasrat untuk menjadi seorang perawat pengubatan Islam. Jadi, apakah ilmu-ilmu yang perlu saya pelajari dan fahami untuk menjadi pengamal pengubatan Islam?***

#### **Jawapan:**

Perkara yang paling penting ialah meneguhkan iman, belajar daripada guru yang mu'tabar untuk membentuk sifat taqwa dan ikhlas kerana dunia perubatan banyak dugaan dan

ujian-ujian yang halus. Selain itu, seseorang yang ingin menjadi pengamal pengobatan Islam sewajarnya mempunyai ilmu pengetahuan tentang beberapa cabang ilmu seperti berikut:

**i. Memahami ilmu Islam secara umum**

Perawat pengobatan Islam sewajarnya memahami ilmu-ilmu Islam secara meluas dan mendalam. Hal ini untuk memastikan perawat dapat melaksanakan proses rawatan dengan baik berpandukan ilmu yang dimilikinya. Namun begitu, jika perawat bukan merupakan seorang yang luas pengetahuannya dalam ilmu Islam, perawat mestilah sekurang-kurangnya memahami asas ilmu Islam dan mempunyai ilmu berkaitan amalan pengobatan yang dipraktikkan. Hakikat ini berasas kepada:

- i. Kisah Abu Sa'id al-Khudri tentang orang yang membaca *ruqyah* kepada orang yang disengat dengan katanya:

*"Kami tidak pula mengetahui bahawa dia tahu apa-apa tentang ruqyah". (bagi pendapat yang mengatakan bahawa menjampi bukan Abu Sa'id tetapi orang lain)<sup>20</sup>*

- ii. *Taqrir* (perakuan) Rasulullah SAW terhadap sahabat yang bertanya kepada baginda SAW tentang pengobatan. Sahabat yang bertanya tersebut bukan dalam kalangan para sahabat yang meluas ilmunya, sedangkan Rasulullah SAW tidak menegah sahabat tersebut daripada melakukan pengobatan:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقَى فَجَاءَ آلُ عَمْرٍو  
بِ بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ  
إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَّةٌ نَرَقِي بِهَا مِنَ الْعَقَرِ وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقَى  
قَالَ فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ فَقَالَ مَا أَرَى بِأَسَا مِنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَهُ  
أَخَاهُ فَلْيَنْفَعُوهُ

*Terjemahan: Rasulullah SAW telah melarang jampi-menjampi. Maka datanglah keluarga Amr Ibn Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: "Wahai Rasulullah SAW di sisi kami mempunyai jampi yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada menjampi." Lalu mereka membacakan jampi tersebut kepada Nabi SAW (bagi mendapat kepastian). Maka sabda Nabi SAW; "Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya"<sup>21</sup>*

Dari sudut membaca *ruqyah*, perawat mestilah membacanya dengan fasih dan jelas, serta difahami maknanya. *Ruqyah* adalah menggunakan ayat-ayat al-Quran, Hadis dan jampi yang difahami maksud dan tidak bertentangan dengan syariat dan aqidah. *Ruqyah* juga mestilah dilafaz secara *sarih* agar tidak menimbulkan kekeliruan dan fitnah.

**ii. Memahami ilmu pengobatan Islam**

Seseorang perawat pengobatan Islam mestilah menuntut ilmu dan bersungguh-sungguh memahami ilmu pengobatan Islam. Ciri ini merupakan salah satu faktor untuk memperkuat rasa iman dalam hati dan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dengan ilmu tersebut juga, seseorang perawat akan dapat membezakan antara hak dengan batil, hal yang bermanfaat

dan hal yang memudaratkan. Apabila perawat tidak memiliki dan memandang remeh akan ilmu pengobatan Islam maka dibimbangi perawat tersebut akan berasa ego dengan caranya memperoleh ilmu tanpa mempelajari ilmu tersebut daripada sumber yang sahih dan daripada guru yang muktabar. Ibnu Al-Jauzi *rahimahullah* berkata

*“Hal yang paling utama adalah berbekal dengan ilmu pengetahuan. Sesiapa yang meremehkannya, sesuai dengan yang diketahuinya, lalu dia menganggap ilmunya sudah cukup, maka dia akan menjadi seorang yang keras kepala. Sikap pengagungan terhadap dirinya sendirilah yang akan menghalangi masuknya manfaat ilmunya dan muhasabahlah yang akan menjelaskan kesalahannya.”*

### iii. Memahami ilmu tentang makhluk halus

Pengetahuan yang mendalam tentang makhluk halus boleh diperoleh menerusi pembacaan, pemerhatian, pengkajian, perawatan dan perbincangan dalam kalangan perawat yang berpengalaman. Seseorang perawat mestilah memahami hakikat makhluk halus yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Tambahan pula, darjat manusia adalah lebih mulia berbanding makhluk-makhluk tersebut kerana Allah menciptakan manusia sebagai khalifah di muka bumi Allah.

Namun begitu, pengetahuan perawat berkaitan dengan makhluk halus adalah terhad. Justeru, perawat pengobatan Islam tidak boleh mengisytiharkan dirinya *kasyaf*, dapat mengetahui dan melihat perkara-perkara ghaib. Hal ini bermaksud perawat tidak boleh membuat dakwaan kepada orang awam tentang kebolehannya yang bersifat *kasyaf* (mengaku mampu mengetahui dan melihat perkara ghaib) kerana kebolehan ini hanya diberikan oleh Allah kepada orang-orang tertentu yang memiliki makam yang tinggi seperti para wali atau yang memiliki keramat, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

### iv. Memahami ilmu yang menghalang kesembuhan penyakit

Perawat mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang menghalang kesembuhan penyakit. Malah, perawat mestilah memahami kaedah yang betul agar pesakit diberikan kesembuhan. Selain itu, perawat mestilah mengetahui sebab-sebab pesakit tidak sembuh atau lambat sembuh agar langkah tertentu dapat diambil. Seseorang perawat mestilah mengetahui perkara yang menghalang usaha merawat seperti tempat kediaman pesakit yang dipenuhi gambar-gambar lukisan manusia, patung-patung dan sebagainya. Perawat pengobatan Islam mestilah memberi penjelasan dan pemahaman kepada pesakit agar membuang patung-patung dan lukisan-lukisan di kediamannya yang akan menyebabkan kediamannya itu dihuni oleh syaitan.<sup>22</sup> Malah, hal itu menjadi sebab malaikat rahmat tidak menjejak di kediaman tersebut. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Talhah:

أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ أَبِي طَلْحَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيهِ كُتُبٌ وَلَا صُورَةٌ

“Tidak akan dimasuki oleh malaikat (pembawa rahmat) rumah yang di dalamnya terdapat anjing dan patung-patung”<sup>23</sup>

## **BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM**

Begitu juga jika seseorang pesakit datang untuk mendapatkan rawatan dalam keadaan memakai tangkal atau azimat pada tangan, leher, pinggang dan sebagainya maka hendaklah disuruh membuang tangkal atau azimat tersebut terlebih dahulu.

### ***Soalan 19:***

***Bolehkah orang yang bukan beragama Islam melakukan amalan pengubatan Islam?***

### **Jawapan:**

Perawat yang melibatkan diri dalam pengubatan Islam mestilah beragama Islam. Ini adalah kerana:

- i. Amalan pengubatan Islam melibatkan aspek kepercayaan yang amat dominan. Malah pengubatan Islam adalah berasaskan aqidah Islam.
- ii. Amalan pengubatan Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis yang menuntut kepada kepercayaan dan keyakinan terhadap kedua-dua sumber ini.
- iii. Amalan pengubatan Islam melibatkan pembacaan ayat-ayat suci al-Quran.

Sewajarnya, perawat berpegang pada aqidah Ahli Sunnah Waljamaah. Kebenaran secara rasmi kepada aliran selain daripada Ahli Sunnah Waljamaah untuk mengamalkan pengubatan Islam dibimbangi akan menyebabkan pengiktirafan kepada aqidah tersebut. Namun begitu, beberapa perkara berikut wajar diberikan perhatian:

- i. Sebahagian ulama mengharuskan makmum mengikut imam dalam kalangan bukan Ahli Sunnah Waljamaah.
- ii. Mereka yang bukan Ahli Sunnah Waljamaah tidak wajar disamakan dengan orang kafir.
- iii. Kerajaan Arab Saudi turut membenarkan penganut Syiah untuk melaksanakan ibadat haji.

Justeru, amalan pengubatan Islam oleh mereka yang beraqidah selain daripada Ahli Sunnah Waljamaah tidak perlu diberikan penegasan larangan kecuali apabila mereka menzahirkan amalan yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah atau menyebarkan fahaman mereka yang tidak bertepatan dengan aliran Ahli Sunnah Waljamaah ketika proses rawatan dilakukan.

### ***Soalan 20:***

***Apakah ciri-ciri perawat yang menepati kehendak Islam dan ciri-ciri perawat yang bertentangan dengan Islam?***

**Jawapan:**

Perkara ini adalah signifikan untuk dibincangkan kerana agama Islam amat menggalakkan manusia untuk mencari perawat yang terbaik. Hal ini dikisahkan oleh Zaid bin Aslam yang berkata:

حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ أَنَّ رَجُلًا فِي زَمَانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصَابَهُ جُرْحٌ فَاحْتَقَنَ الْجُرْحُ الدَّمَ وَأَنَّ الرَّجُلَ دَعَا رَجُلَيْنِ مِنْ بَنِي أَنْمَارٍ فَنَظَرَا إِلَيْهِ فَرَعِمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُمَا أَيُّكُمَا أَطَبُّ فَقَالَا أَوْ فِي الطَّبِّ خَيْرٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَرَعِمَ زَيْدٌ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَنْزَلَ الدَّوَاءَ الَّذِي أَنْزَلَ الْأَدْوَاءَ

*“Pada masa Rasulullah SAW, ada seorang lelaki cedera dan darahnya bergumpal. Lelaki itu kemudian memanggil dua orang tabib daripada Bani Anmar untuk merawatnya. Lalu Rasulullah SAW bertanya kepada mereka, “Siapa tabib terbaik antara kalian?” Dua orang tabib itu kemudian menjawab, “Apakah pada pengubatan itu ada kebaikan wahai Rasulullah?” Nabi SAW menjawab, “Dia yang menurunkan penyakit, telah menurunkan ubat.”<sup>24</sup>*

Berdasarkan Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam yang dikeluarkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia, seorang perawat perlulah mempunyai ciri-ciri, antaranya seperti berikut:<sup>25</sup>

- i. Beragama Islam, akil dan baligh, serta memahami dan mengetahui ilmu asas Islam merangkumi aspek aqidah, syariat dan akhlak, dan sentiasa bertakwa.
- ii. Perlulah jelas bacaannya serta memahami dan mengetahui apa-apa yang diucapkannya.
- iii. Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik.
- iv. Tidak melakukan maksiat, jenayah dan apa-apa sahaja yang bertentangan dengan undang-undang negara.
- v. Ikhlas, iaitu mengerjakan sesuatu semata-mata kerana Allah, bukan kerana untuk menunjuk-nunjuk, mendapat ganjaran kebendaan dan sebagainya.
- vi. Ketahanan jiwa dan rohani, iaitu mempunyai kepercayaan penuh dan melakukan amalan-amalan tertentu mengikut kehendak dan tuntutan rukun iman.
- vii. Benteng pertahanan diri, iaitu amalan-amalan yang berupa bacaan-bacaan dan doa untuk memperkuat ketahanan diri, mental dan fizikal.
- viii. Setiap pengalaman dan pengubatan yang dilakukan perlulah merujuk kepada kitab al-Quran, Hadis, ijmak ulama dan qias, iaitu pegangan Ahli Sunnah Waljamaah

- ix. Pembayaran atas perkhidmatan boleh diambil mengikut kos pengubatan, tetapi tidak membebankan pesakit.
- x. Tidak mengambil kesempatan terhadap pesakit.

Manakala ciri-ciri perawat yang bertentangan dengan syarak adalah seperti berikut: <sup>26</sup>

**i. Menggunakan khidmat makhluk halus**

Sebahagian perawat menggunakan khidmat makhluk halus dalam kalangan jin sama ada sebagai khadam, pendamping atau sahabat dalam proses merawat pesakit. Allah SWT telah memberi peringatan tentang kesan orang-orang yang menjadikan jin sebagai pendamping dengan firmanNya:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

“Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang daripada manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat”.

Surah al-Jinn (72): 6

Namun begitu, pandangan Ibn Taimiyyah dalam kitabnya Majmu' al-Fatawa telah menyatakan:

*“Mana-mana orang yang boleh mengarahkan jin mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya, beribadat kepada Allah, mentaati Nabi-Nya sebagaimana ia menyuruh manusia maka ini adalah semulia-mulia wali Allah. Dia juga adalah pengganti para khalifah Rasul dan pembantunya.”*

Sekiranya jin itu digunakan untuk tujuan yang harus samalah dengan menyuruh manusia kepada perkara yang harus. Sebagaimana juga para nabi yang dianugerahkan oleh Allah SWT kelebihan mereka, seperti Nabi Allah Sulaiman, Nabi Yusuf, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Isa dan Nabi Muhammad SAW. Tetapi kalau mereka disuruh untuk melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT dan RasulNya, sama ada berbentuk syirik, membunuh orang yang tidak berdosa, atau menyiksa orang sehingga merosakkan otaknya sehingga mereka lupa, maka perbuatan ini adalah berdosa di sisi Allah SWT.<sup>27</sup>

**ii. Memperlihatkan perkara-perkara ajaib dan luar biasa**

Terdapat perawat melakukan perkara yang aneh dan luar biasa walaupun kelihatan seolah-olah selari dengan syariat Islam. Antara perbuatan tersebut ialah melakukan pembedahan batin, menangkap jin dan mengurungnya dalam botol, membaca hati pesakit, mengaku menerima kasyaf, mendapat keramat dan sebagainya.

**iii. Mengajar ilmu dan amalan kebatinan**

Sesetengah perawat mengajar ilmu-ilmu kebatinan yang bukan berasal daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Antara contoh ilmu kebatinan tersebut ialah Ilmu Persilatan Saidina Umar, Ilmu Persilatan Saidina Ali dan sebagainya. Rasulullah SAW tidak pernah mengajar akan

ilmu-ilmu sebegini tetapi baginda menggalakkan umatnya agar melindungi diri dengan iman dan pertahanan diri melalui amalan-amalan yang tidak bertentangan dengan syarak.

#### **iv. Menggunakan tangkal, azimat dan barang-barang hikmat**

Sesetengah perawat membekalkan pesakit mereka dengan azimat, tangkal atau barang-barang hikmat sebagai pelindung, pelaris, pengasih dan seumpamanya. Malah, para pesakit turut dikelirukan oleh para perawat tersebut yang mendakwa barang hikmat tersebut seperti cincin, minyak kasturi telah dibaca dengan ayat-ayat al-Quran.

#### **v. Memperoleh ilmu daripada sumber dan kaedah yang aneh**

Sesetengah perawat mempelajari ilmu daripada sumber yang aneh dan sukar dipercayai seperti melalui mimpi berjumpa wali, malaikat dan orang-orang yang soleh. Kaedah mempelajari ilmu sebegini bertentangan prinsip pengajaran dan pembelajaran dalam Islam. Bidang perubatan merupakan suatu bidang yang memerlukan minat, kesungguhan, penekunan, disiplin yang tinggi dan aqidah yang mantap. Selain itu, penuntut mesti menghadapi suatu tempoh masa untuk dibimbing oleh guru. Secara tegasnya, melahirkan seorang perawat pengubatan Islam adalah sama seperti melahirkan seorang doktor yang pakar dalam perubatan moden.

Selain itu, seseorang perawat itu dapat dikenalpasti bahawa kaedah rawatannya tidak mengikut kehendak syariat berdasarkan amalan kebiasaan berikut:<sup>28</sup>

- i. Menanyakan nama pesakit dan nama ibunya.
- ii. Mengambil sesuatu barang kepunyaan pesakit seperti sapu tangan, secebis kain atau sejenisnya.
- iii. Pesakit hendaklah memberitahukan namanya, kampungnya dan masalah yang sedang dihadapinya. (Untuk tujuan tilikan. Jika untuk rekod, HARUS)
- iv. Menuliskan susunan huruf-huruf atau simbol yang tidak beraturan atau membacanya.
- v. Meminta binatang atau sembelihan haiwan untuk dijadikan korban atau sembah.
- vi. Memberikan sesuatu kepada pesakit agar pesakit menanamnya di dalam tanah sebagai pendinding.
- vii. Memberikan kain kepada pesakit untuk dijadikan sebagai pendinding atau didakwa kain sebagai penjaga.
- viii. Menyuruh pesakit untuk tidak bergaul dengan masyarakat.
- ix. Meminta pesakit untuk tidak menyentuh air dengan meletakkan syarat-syarat yang tidak masuk akal atau bertentangan dengan syariat.

Walaupun pada asalnya sebahagian amalan perbomohan dalam masyarakat Melayu itu bertentangan dengan ajaran Islam, namun selepas kehadiran dan penerimaan Islam secara meluas oleh masyarakat Melayu, aspek-aspek tertentu dalam pengamalan perbomohan itu telah diubah agar serasi dengan ajaran Islam.<sup>29</sup>

**Soalan 21:**

**Kawan lelaki saya dirasuk makhluk halus lalu menerima rawatan daripada seorang ustazah. Bolehkah seorang wanita merawat pesakit lelaki?**

**Jawapan:**

Pada dasarnya perawat perlu menjaga dengan sebaik-baiknya batasan-batasan hubungan dengan pesakit. Dalam kes-kes melibatkan aurat, pada prinsipnya, perawat hanya melakukan rawatan sesama jantina. Namun begitu, terdapat kelonggaran dalam kes darurat berdasarkan pandangan para ulama. Ianya bersesuaian dengan kaedah usul yang telah diberikan oleh para ulama apabila menghadapi keadaan yang sukar dan darurat iaitu:

**الضَّرُورَةُ تُبِيحُ الْمُحْظَرَاتِ**

Darurat mengharuskan yang haram.

**الضَّرُورَةُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا**

Darurat diambil sekadar keperluan sahaja.

Justeru, menggunakan atau memanfaatkan perkara yang haram melebihi kadar keperluan pada waktu darurat adalah berdosa. Begitu juga dalam amalan pengubatan Islam, ketika waktu darurat dan kecemasan boleh digunakan ubat-ubat dan cara-cara yang haram, tetapi sekadar keperluannya sahaja. Ia disandarkan kepada Hadis Nabi SAW, tatkala Ummu Salamah (seorang perempuan) meminta izin kepada Nabi SAW untuk rawatan bekam. Maka Nabi SAW menyuruh Abu Taybah (seorang lelaki) merawatnya.

Nabi SAW bersabda:

**أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ اسْتَأْذَنَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحِجَامَةِ ، فَأَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا طَيْبَةَ أَنْ يَحْجِمَهَا**

*Bahawa Ummu Salamah telah meminta izin kepada Nabi SAW untuk rawatan bekam, maka Nabi SAW menyuruh Abu Taybah merawatnya.*<sup>30</sup>

Kata Imam Nawawi:

*“Perlu diketahui bahawa hukum asal bagi lelaki melihat perempuan ajnabi adalah muka dan kedua tapak tangan, itu sekadar hajat sahaja. Jika melihat lebih daripada anggota tersebut, hajatnya juga bertambah, memang benar-benar perlu dilihat kawasan aurat tersebut. Namun, jika lihat pada bahagian bawah daripada pusat dan atas daripada lutut, maka amat memerlukan keadaan yang benar-benar darurat.”*

Selain itu, perawat lelaki yang merawat pesakit wanita di tempat yang tertutup mestilah disertai seorang mahram pesakit wanita atau seorang wanita yang dipercayai. Penyertaan mahram atau peneman yang dipercayai dan amanah bertujuan untuk mengelak timbulnya kecurigaan dan fitnah dalam kalangan perawat dan pesakit semasa rawatan dijalankan. Di samping itu, pada prinsipnya, perawat dilarang melihat aurat pesakit dan menyentuh bahagian sulit pesakit tanpa keperluan kecuali dalam kes-kes tertentu perawat boleh melihat aurat pesakit sekadar yang diperlukan. Malah, keizinan pesakit atau waris atau penjaganya mestilah diperoleh sebelum memulakan rawatan. Semua tatacara ini bertujuan untuk memastikan keaiban pesakit tidak didedahkan kepada sesiapa sahaja termasuk kepada perawat lain kecuali kes yang mendapat persetujuan bersama atas sebab tertentu. Ia bersesuaian dengan saranan Rasulullah SAW menerusi sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbas:

لَا يَخْلُونَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ، وَلَا تَسَافِرَنَّ امْرَأَةٌ إِلَّا وَمَعَهَا مَحْرَمٌ

*Janganlah bersunyi-sunyian (berdua-duaan) diantara lelaki dan perempuan dan janganlah wanita-wanita itu bermusafir melainkan bersamanya ditemani seorang mahram.<sup>31</sup>*

#### Soalan 22:

*Bolehkan seorang wanita mengamalkan pengubatan Islam semasa dalam keadaan haid?*

#### Jawapan:

Pada dasarnya tiada syarat khusus dari segi jantina yang melayakkan seseorang boleh menjadi perawat dalam pengubatan Islam. Ini bermakna perawat pengubatan Islam boleh terdiri daripada golongan lelaki ataupun wanita, seperti mana hukum menjadi seorang doktor, guru ataupun peguam.

Soalan ini mungkin bermaksud adakah perempuan yang dalam haid boleh membaca ruqyah yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan doa ketika melakukan rawatan? Dalam hal ini, para ulama berbeza pendapat tentang keahluannya. Namun jawapan ini memfokuskan kepada dalil-dalil yang mengharuskan seorang perempuan yang haid membaca al-Quran secara mutlak. Antaranya adalah potongan Hadis berikut yang menceritakan tentang golongan wanita, termasuk anak dara dan yang sedang haid turut serta dalam solat Hari Raya untuk sama-sama bertakbir, berzikir dan berdoa, cumanya wanita yang haid tidak mendirikan solat:

.... يَخْرُجُ الْعَوَاتِقُ وَذَوَاتُ الْخُدُورِ ، أَوِ الْعَوَاتِقُ ذَوَاتُ الْخُدُورِ  
وَالْحَيْضُ ، وَلَيَسْهَدَنَّ الْخَيْرَ وَدَعْوَةَ الْمُؤْمِنِينَ ، وَيَعْتَزِلُ الْحَيْضُ  
الْمُصَلَّى

... para wanita termasuk anak dara dan yang sedang haid keluar (ke lapangan untuk mendirikan solat Hari Raya) dan mereka menyaksikan kebaikan serta doa orang-orang yang beriman, tetapi wanita yang haid menjauhkan diri dari tempat solat (tidak menunaikan solat)<sup>32</sup>

عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - أَنَّهَا قَالَتْ قَدِمْتُ مَكَّةَ وَأَنَا حَائِضٌ ، وَلَمْ أَطْفِ بِالْبَيْتِ ، وَلَا بَيْنَ الصَّافَا وَالْمَرْوَةِ ، قَالَتْ فَشَكَّوْتُ ذَلِكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ «افْعَلِي كَمَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ أَنْ لَا تَطُوفِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي

Aisyah RA berkata : “Aku datang ke Makkah dalam keadaan haid, dan aku belum sempat tawaf di Kaabah dan sa’i antara Safa dan Marwah. Maka aku adukan hal itu kepada Rasulullah SAW, baginda bersabda: “Perbuatlah sebagaimana yang dilakukan seorang yang berhaji, hanya saja jangan engkau tawaf di Kaabah sehingga engkau suci (dari haid).”<sup>33</sup>

Kedua-dua Hadis di atas memberi faedah bahawa wanita haid disyariatkan untuk berzikir kepada Allah SWT, dan al-Quran termasuk dalam makna zikir sebagaimana Allah berfirman:

إِنَّا نَحْنُ نُزِّلُ الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-zikir (al-Quran) dan Kamilah yang akan menjaganya.”

Surah al-Hijr: 9

Apabila seorang yang menunaikan haji dalam keadaan haid dibolehkan membaca al-Quran maka demikian pula bagi wanita haid turut boleh membacanya pada masa-masa yang lain, kerana yang dikecualikan dalam larangan Nabi SAW kepada Aisyah yang sedang haid hanyalah tawaf. Sekiranya membaca al-Quran tidak dibolehkan, sudah pasti baginda akan menerangkannya kepada Aishah ataupun mana-mana perempuan daripada kalangan mereka yang menunaikan haji tersebut.

Tambahan pula, tidak semua ruqyah terdiri dari ayat-ayat al-Quran. Bahkan jika ia merupakan ayat al-Quran sekalipun, jika diniatkan sebagai zikir dan ruqyah untuk pengubatan maka ia memang dibolehkan. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa seorang wanita boleh mengamalkan pengubatan Islam semasa dalam keadaan haid, wallahu a’lam.



# 40

*soal jawab*

PENGUBATAN  
ISLAM

BAHAGIAN KETIGA  
KAEDAH RAWATAN



**Soalan 23:**

**Adakah benar ruqyah dan doa boleh menyembuhkan penyakit?**

**Jawapan:**

*Ruqyah* (jampi) dalam bahasa Arab bermaksud menuturkan perkataan ruqyah (permohonan) tertentu untuk mendapatkan kemanfaatan daripadanya atau memudahkan dengannya. Sebahagiannya menepati kehendak syarak dan sebahagiannya bertentangan dengan syarak. Oleh itu, *ruqyah* boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- i. *Ruqyah syar'iyah* – kata-kata yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan.
- ii. *Ruqyah syirkiah* – kata-kata seruan, mentera dan serapah yang diucapkan dan bercanggah dengan syarak untuk tujuan penyembuhan penyakit atau lain-lain (contohnya dengan memuja jin dan roh-roh jahat).

Para ulama bersepakat bahawa harus berikhtiar menggunakan *ruqyah* sekiranya memenuhi tiga syarat berikut:

- i. Menggunakan ayat-ayat al-Quran atau nama-nama Allah atau sifat-sifatNya, atau
- ii. Menggunakan bahasa Arab atau selainnya akan tetapi difahami maknanya yang diharuskan syarak.
- iii. Beriktikad bahawa penyembuh sebenar hanya Allah Taala sahaja.<sup>1</sup>

Ini bermakna *ruqyah* atau jampi yang tidak diambil dari al-Quran dan Hadis-hadis yang berkaitan, seperti menggunakan jampi daripada orang-orang yang saleh, para ulama dan orang-orang yang berpengalaman dalam bidang pengubatan adalah dibolehkan, walaupun lafaznya tidak dalam bahasa Arab, dengan syarat difahami maknanya dan tidak mengandungi unsur syirik.<sup>2</sup>

Dalam hal ini, Muslim telah meriwayatkan sebuah Hadis daripada Jabir r.a.:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقَى فَجَاءَ آلُ عَمْرٍو  
بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ  
إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَّةٌ نَرْقِي بِهَا مِنَ الْعُقَرِ وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقَى  
قَالَ فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ فَقَالَ مَا أَرَى بِأَسَا مِنْ اسْتِطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَهُ  
أَخَاهُ فَلْيَنْفَعَهُ

Rasulullah SAW telah melarang dari jampi-menjampi. Maka datanglah keluarga Amr ibn Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah SAW, kami mempunyai jampi yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada menjampi.” Lalu mereka membacakan jampi tersebut kepada Nabi SAW (bagi mendapat kepastian). Maka sabda Nabi SAW; “Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa di antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.”<sup>3</sup>

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

Doa pula secara umumnya bermaksud permohonan kepada Allah untuk menunaikan hajat tertentu. Kedudukan doa dalam Islam memang sangat tinggi kerana ia dikategorikan sebagai senjata bagi orang-orang yang beriman, ‘otak’ kepada ibadah<sup>4</sup> dan boleh menolak atau mengubah al-qada’ dengan izin Allah.<sup>5</sup> Dalam konteks pengubatan, ia merujuk kepada permohonan kepada Allah agar dikurniakan kesembuhan dan kesejahteraan rohani dan jasmani. Tuntutan berdoa memang sangat jelas sepertimana firman Allah SWT:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ.....

*Dan Tuhanmu berfirman: “Berdoalah kepada-Ku, niscaya akan Kuperkenankan bagimu”.*

Surah al-Mu’min / Ghafir (40): 60

Penggunaan doa adalah asas penting dalam pengubatan Islam yang tidak menafikan ikhtiar rawatan lain. Rawatan mendoakan pesakit pada sesuatu situasi memerlukan penggabungan atau penggunaan bahan-bahan tertentu seperti air, tumbuh-tumbuhan termasuk herba dan bahan-bahan lain serta kaedah rawatan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak. Apa yang perlu diberi perhatian apabila seseorang perawat atau pesakit ingin berdoa adalah tujuannya berdoa dan adab-adab berdoa melibatkan tempat dan waktu doa yang mustajab serta mengetahui kaifiat doa yang betul.<sup>6</sup>

Kelazimannya *ruqyah* dan doa akan dibacakan oleh perawat kepada pesakit dan juga bahan-bahan rawatan. Pada masa yang sama, pesakit juga digalakkan membaca sendiri *ruqyah*, zikir dan doa yang tertentu bagi tujuan rawatan. Dengan kata lain, *ruqyah* dibacakan secara langsung oleh perawat atau pesakit sendiri sebagai ikhtiar penyembuhan penyakit. Hukumnya adalah diharuskan selagi mana *ruqyah* yang dibacakan adalah menepati syarat-syarat yang telah dibincangkan di atas.

Dari sudut kesembuhan hasil membacakan *ruqyah* dan doa, terdapat hadis-hadis yang menunjukkan Rasulullah SAW sendiri telah diruqyah oleh Jibril ketika baginda sakit,<sup>7</sup> ataupun baginda sendiri melakukan *ruqyah* dan doa apabila ditimpa penyakit,<sup>8</sup> ataupun baginda meperakukan tindakan sahabat yang meruqyah orang yang sakit hingga mendapat kesembuhan,<sup>9</sup> dengan izin Allah SWT.

### **Soalan 24:**

***Saya ada menyimpan rakaman bacaan ruqyah dalam telefon bimbit untuk diperdengarkan kepada pesakit. Adakah ia boleh memberi kesan dari sudut kesembuhan penyakit?***

### **Jawapan:**

Pada dasarnya, tiada halangan untuk merakam *ruqyah* dalam telefon bimbit lalu diperdengarkan kepada pesakit atau dipasang dalam rumah dan di tempat-tempat tertentu. Hukumnya adalah sama dengan rakaman bacaan al-Quran dan juga azan lalu diperdengarkan atau disiarkan semula secara berulang-ulang. Bahkan ia boleh membantu pesakit yang terlibat

untuk sentiasa mendengar bacaan *ruqyah* di mana-mana dan bila-bila masa yang sesuai. Walau bagaimanapun, dari sudut keberkesananannya mungkin tidak sama dengan *ruqyah* yang dibaca secara langsung oleh perawat atau pesakit yang disertai dengan keikhlasan dan pengharapan agar Allah menyembuhkan sesuatu penyakit.

**Soalan 25:**

***Ada perawat yang mengenal pasti punca penyakit dengan menggunakan kaedah scanning. Adakah kaedah ini dibenarkan oleh syarak?***

**Jawapan:**

Kebiasaanya, apabila pesakit datang untuk mendapatkan rawatan, perawat perlu bertanya kepada pesakit untuk mengenalpasti penyakit berdasarkan tanda-tanda dan gejala (*signs and symptoms*) yang dimaklumkan oleh pesakit. Sebaik-baiknya perawat perlu meminta pesakit berkongsi hasil diagnosis yang telah dilakukan di klinik atau hospital sebelum itu, jika ada.

Bagi penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus, yang tidak dapat dirawat dengan perubatan konvensional, ikhtiar berikutnya adalah merujuk kepada pengamal pengubatan Islam. Penyakit-penyakit gangguan jin dapat dikenalpasti melalui gejala-gejala khusus walaupun ada kesamaran dalam menentukan penyakit tersebut sama ada berpunca daripada gangguan jin atau pun penyakit organik yang lain.<sup>10</sup> Sebahagian pengamal pengubatan Islam akan menggunakan kaedah *scanning* dengan tujuan untuk mendapat petunjuk sama ada pesakit memang diganggu oleh makhluk halus atau tidak.

Kaedah *scanning* merujuk kepada kaedah mengimbas atau mengesan kehadiran makhluk halus dalam tubuh pesakit. Teknik ini dilakukan dengan beberapa kaedah sama ada melibatkan sentuhan pada anggota badan tertentu, ataupun tanpa sentuhan, yang disertakan dengan bacaan *ruqyah*. Tindak balas pesakit seperti mengerang kesakitan, meronta-ronta minta dilepaskan atau berlaku perubahan suara kepada suara orang lain selepas dilakukan ‘imbasan’ tersebut menentukan keberadaan makhluk halus dalam badan pesakit. Didapati hampir keseluruhan pusat-pusat rawatan Islam melakukan kaedah *scanning* walaupun dengan teknik-teknik yang berbeza.<sup>11</sup>

Pada dasarnya teknik *scanning* ini tidak mempunyai dalil yang khusus yang menyatakan keharusannya dan tidak juga dalil yang melarang penggunaan kaedah ini. Oleh itu, ia boleh disimpulkan sebagai tidak bercanggah dengan syarak kerana *ruqyah* yang dibaca dan cara serta peralatan yang digunakan adalah diharuskan. Apa yang menjadi pertikaian ialah sejauh manakah ia dapat mengenal pasti jenis gangguan, jumlah jin atau makhluk halus yang ada pada badan pesakit serta pihak-pihak yang terlibat menyebabkan gangguan tersebut. Dalam

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

hal ini, *scanning* yang melibatkan dakwaan boleh mengetahui perkara yang ghaib adalah tidak diharuskan.<sup>13</sup> Hukum ini berdasarkan firman Allah SWT:

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبُ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ .....  
.....

Katakanlah (wahai Muhammad), “Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib, aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat ....

Surah al-An‘am (6): 50

Difahami dari ayat, jika Nabi Muhammad SAW sendiri diperintahkan supaya memberitahu bahawa baginda tidak mengetahui perkara-perkara ghaib, maka sudah tentulah tidak wajar bagi mana-mana pihak boleh mendakwa yang dia boleh mengetahui tentang perkara-perkara ghaib, termasuklah perihal jin. Walaupun bukanlah suatu yang mustahil Allah boleh mengurniakan kelebihan tertentu kepada perawat untuk mengenalpasti jenis dan bentuk gangguan makhluk halus tersebut, namun ianya tidak wajar dimaklumkan tanpa ada keperluan berasaskan beberapa penelitian:

- i. Ia lebih kepada anggaran atau *zann* dan bukannya suatu yang pasti.
- ii. Ia membawa kepada dakwaan mengetahui perkara ghaib.
- iii. *Sadd al-dhara‘i’* bagi mengelakkan dendam dan sebagainya.

### Soalan 26:

**Kawan saya menerima rawatan alternatif melalui panggilan telefon sahaja. Adakah ia dibenarkan dalam Islam?**

### Jawapan:

Situasi ini merujuk kepada rawatan jarak jauh. Rawatan jarak jauh bermaksud rawatan yang dijalankan dalam keadaan pesakit tidak berada di sisi perawat, ataupun perawat tidak berada di tempat rawatan dilakukan. Dalam keadaan ini, bacaan ruqyah jarak jauh adalah bagi kes kecemasan dan jarak pesakit dan perawat yang tidak memungkinkan kehadiran perawat atau pesakit. Ini dilakukan dengan meminta pembantu pesakit meletakkan telefon bimbit pesakit berdekatan air dan telinga pesakit. Perawat akan membacakan *ruqyah* yang tertentu melalui *speaker* telefon bimbit berkenaan.<sup>14</sup>

Bagi kaedah pagar jarak jauh, sesetengah perawat memerlukan *layout plan* rumah dan alamatnya. Pemagaran tidak memerlukan kehadiran perawat ke tapak rumah atau bangunan yang ingin dipagar dari dimasuki jin, pencuri mahupun binatang yang berbahaya.<sup>16</sup>

Dari sudut hukum syarak, penggunaan kaedah ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu:

**Pertama:** Diharuskan untuk menggunakan kaedah rawatan jarak jauh jika terdapat keuzuran dan kepayahan dari sudut keengganan pesakit atau mangsa untuk mendapatkan

rawatan akibat dari masalah sihir yang dihadapi. Selain itu, diharuskan juga menggunakan kaedah ini dalam situasi ia dilakukan secara langsung di mana perawat dan pesakit dalam keadaan sedar, saling berhubung dan saling mendengar antara satu sama lain melalui aplikasi alat telekomunikasi seperti telefon rumah atau bimbit. Ketika melakukan rawatan, perawat hanya boleh menggunakan *ru qyah shar'iyah* dan bahan rawatan yang dibenarkan sahaja.

**Kedua:** Tidak diharuskan untuk menggunakan kaedah rawatan jarak jauh sekiranya tidak melibatkan sebarang perhubungan secara langsung antara perawat dan pesakit. Contohnya, perawat menyatakan bahawa beliau akan menjalankan rawatan (iaitu selepas mendapat maklumat dan persetujuan daripada pesakit atau ahli keluarganya) apabila tibanya waktu malam. Pesakit akan didatangi seseorang yang tidak dikenali ketika tidur (dalam keadaan tidak sedar) untuk merawat pesakit tersebut. Pesakit juga disyaratkan untuk meletakkan bahan-bahan tertentu yang diberikan oleh perawat di bawah bantal tidurnya dengan tujuan rawatan sedemikian.<sup>17</sup>

#### **Soalan 27:**

*Ada sesetengah perawat menggunakan jin atau khadam ayat dalam rawatan. Apa pandangan syarak mengenainya?*

#### **Jawapan:**

Jin adalah antara makhluk Allah SWT yang kewujudannya sabit dengan al-Quran dan Hadis-hadis Nabi.<sup>18</sup> Sifat dan karakter jin sebahagiannya turut dinyatakan dalam sumber-sumber tersebut. Selain daripada jin, terdapat istilah 'khadam ayat' yang amat terkenal dalam masyarakat Melayu. Ada yang mendakwa khadam ayat adalah sejenis makhluk bukan daripada golongan manusia dan golongan jin (jin Islam atau jin kafir). Makhluk ini juga bukan daripada makhluk belaan atau sahabat kepada tuannya kerana tidak ada sebarang perjanjian antara kedua belah pihak. Khadam<sup>19</sup> tersebut tidak lain melainkan makhluk yang diutus oleh Allah SWT yang termasuk dalam golongan makhluk ghaib iaitu daripada kalangan hamba Allah yang bertaraf wali yang dikenali juga sebagai "*Rijalul Ghaib*" atau "*Khadam Roh*". Kelebihan berkhadam ayat ini antara lainnya si pengamal akan meminta pertolongan khadam untuk melakukan rawatan penyakit melalui kaedah tertentu. Sebagai contoh, khadam akan dipanggil untuk membantu memberikan maklumat yang jelas jika seseorang itu disihir untuk memberitahu jenis sihir, punca sihir tersebut dan cara merawat sihir.<sup>20</sup>

Walau bagaimanapun, hakikat dan hukum berkaitan "khadam ayat" ini adalah samar kerana ada pandangan yang membolehkannya dan ada pula yang menolaknya, bahkan mengkategorikannya sebagai jin.<sup>21</sup>

Secara umumnya penggunaan jin boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:

#### **i. Penggunaan jin berdasarkan yang dikehendaki oleh Tuhan al-Rahman.**

Ia bermaksud menggunakan jin untuk merealisasikan kepentingan syarak, sama ada bersifat segera atau akan datang. Sekiranya penggunaan jin mendatangkan kepentingan yang bersifat menyeluruh atau majoritinya mendatangkan *maslahah*, maka ianya dibenarkan bahkan hukumnya adalah sunat. Contohnya, menyuruh mereka beriman dan mentaati perintah Allah serta mencegah mereka dari melakukan perbuatan mungkar.

Apabila perawat membacakan ayat-ayat al-Quran kepada mangsa dan jin yang merasuk mangsa, bercakap melalui lidah mangsa dan kebetulan pula jin itu kafir, perawat hendaklah menyerunya kepada agama Allah SWT, menyuruhnya melakukan kebaikan dan mencegahnya dari melakukan kejahatan. Jika jin yang merasuk itu masuk Islam dan menunjukkan tanda-tanda bertaubat, tidak menjadi kesalahan kepada perawat jika dia meminta jin tersebut menunjukkan tempat sihir dan siapa yang bertanggungjawab, sebagai syarat penyempurnaan taubatnya. Dalam konteks ini, jin tersebut digunakan sebagai wasilah untuk memusnahkan sihir yang dilakukan ke atas mangsa sihir. Dalam syarak, diakui wasilah mengambil hukum maksud (objektif). Sekiranya penggunaan jin tersebut menjadi wasilah kepada merealisasikan sesuatu perkara yang dituntut oleh syarak seperti membatalkan sihir, atau perkara yang diharuskan seperti mendapat kesembuhan, maka hukum wasilah tersebut adalah harus, dan begitulah sebaliknya.<sup>22</sup>

## ii. Penggunaan jin dalam bentuk yang dilakukan oleh Nabi Allah Sulaiman a.s.

Antara mukjizat yang dikurniakan kepada Nabi Sulaiman a.s. ialah baginda boleh mengarahkan jin, syaitan dan angin untuk berkhidmat kepada baginda. Perkara ini sabit dalam al-Quran seperti mana firman Allah SWT:

قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَوَّاهٌ \* فَسَخَرْنَا لَهُ الرِّيحَ تَجْرِي بِأَمْرِهِ رُحَاءَ حَيْثُ شَاءَ \* وَالشَّيَاطِينَ كُلَّ بَنَّاءٍ وَغَوَّاصٍ \* وَآخَرِينَ مُقَرَّنِينَ فِي الْأَصْفَادِ \* هَذَا عَطَاؤُنَا فَامْنُنْ أَوْ أَمْسِكْ بِغَيْرِ حِسَابٍ \*

Katanya: “Wahai Tuhanku! ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan (yang tidak ada taranya dan) yang tidak akan ada pada sesiapa pun kemudian daripadaku; Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurniaNya”. Maka (Kami kabulkan permohonannya lalu) Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang hendak ditujunya. Dan (Kami mudahkan baginya memerintah) jin, syaitan; (ia memerintah) golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan, dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing). Dan jin-jin syaitan yang lain dipasung dalam rantai-rantai belunggu. (serta Kami katakan kepadanya): “Inilah pemberian Kami (kepadamu), maka berikanlah (kepada sesiapa yang engkau suka), atau tahankanlah pemberian itu; (terserahlah kepadamu) dengan tidak ada sebarang hitungan (untuk menyalahkanmu)”.

Surah Sad (38): 35 – 39

Penggunaan jin dalam bentuk ini hanyalah khusus untuk Nabi Allah Sulaiman a.s. sahaja. Kadang-kadang berlaku penggunaan tersebut kepada orang lain, selain daripada baginda, tetapi dalam ruang lingkup yang amat terbatas dan tidak dalam bentuk umum sebagaimana yang berlaku pada baginda. Kesimpulannya, tidak harus bagi manusia biasa berhasrat untuk menggunakan jin dalam bentuk ini, kerana di sebalik penggunaannya mengandungi banyak

bencana dan kerosakan. Jin tidak mungkin berkhidmat kepada manusia kecuali mesti ada gantian, sama ada secara segera ataupun untuk masa akan datang.<sup>23</sup>

Perlu ditegaskan bahawa khidmat jin kepada Nabi Sulaiman a.s. sebenarnya adalah satu bentuk penyiksaan yang menghinakan. Perkara ini ditegaskan dalam firman Allah SWT:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَى مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنْسَأَتَهُ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ الْجِنَّ أَنْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ

*Setelah Kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. Maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaulah mereka mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghinakan.*

Surah Saba' (35): 14

### iii. Penggunaan yang bertujuan memenuhi kehendak syaitan.

Penggunaan jin dalam bentuk ini biasanya melibatkan ahli-ahli sihir, tukang-tukang tilik, tukang-tukang jampi, bomoh dan sesetengah pengamal zikir yang menyimpang dari ajaran tasawuf yang sebenar. Penggunaan jin dalam bentuk ini adalah haram secara disepakati oleh para ulama. Perkara ini kerana penggunaan jin secara keseluruhannya atau majoritinya adalah mendatangkan kerosakan dan boleh mengheret pengamalnya ke lembah syirik. Jin-jin tersebut tidak akan membantu orang yang terlibat, kerana semata-mata kasih-sayang kepadanya, sebaliknya sebagai timbal balas dari melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh mendekatkan diri para pengguna jin itu kepada jin-jin tersebut seperti sembelihan, memohon pertolongan daripadanya dan lain-lain. Antara dalil yang membuktikan demikian adalah firman Allah SWT:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَا مَعْشَرَ الْجِنَّ قَدِ اسْتَكْبَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ وَقَالَ أَوْلِيَاؤُهُمْ مِنَ الْإِنْسِ رَبَّنَا اسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَّغْنَا أَجَلَنَا الَّذِي أَجَلْتَ لَنَا قَالَ النَّارُ مَثْوَاكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ

*Dan (ingatlah) hari (Kiamat yang padanya) Allah akan himpunkan mereka semua, (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin (syaitan-syaitan)! Sesungguhnya kamu telah banyak pengikut-pengikut dari manusia". Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: "Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-senang (mendapat kemudahan) dengan sebahagian yang lain (syaitan-syaitan), dan telah sampailah masa yang Engkau telah tentukan untuk kami (hari Kiamat)". (Allah berfirman): "Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.*

Surah Al-An'am (06): 128

FirmanNya lagi:

... وَمَا يُعْلِمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فُتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ  
بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۖ

.... sedang mereka berdua (Harut dan Marut) tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)”. Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka.....

Surah al-Baqarah (02): 102

FirmanNya lagi:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.

Surah al-Jinn (72): 6

Sesiapa yang menggunakan jin dalam bentuk yang dinyatakan di atas, bukan sahaja haram, bahkan juga melakukan dosa besar dan terjerumus ke dalam pintu-pintu syirik. Wajib ke atas seseorang yang mengetahui akan orang-orang yang mengamalkannya, membawa perkara tersebut kepada pihak berwajib untuk diambil tindakan yang sewajarnya, selepas menasihati dan menolak amalannya.<sup>24</sup>

Penglibatan jin dalam kehidupan manusia yang paling ketara adalah melalui penggunaan khidmat mereka oleh tukang-tukang sihir, dukun, bomoh dan pawang dalam menjayakan kerja-kerja sihir dan kerja-kerja perbomohan. Hal ini kerana kerja-kerja tersebut memerlukan khidmat dan bantuan jin tertentu bagi memastikan bahawa kerja-kerja tersebut mencapai matlamat yang ditetapkan dan mengenai mangsa yang dituju. Keadaan ini memperlihatkan bahawa manusia telah menjadikan jin dan keturunannya sebagai sahabat karib atau orang suruhannya, sedangkan kebanyakan mereka adalah musuh kepada manusia itu sendiri.<sup>25</sup>

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa penggunaan jin bagi tujuan yang bercanggah dengan syarak adalah dilarang sama sekali dalam Islam. Namun begitu, penggunaan jin perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas iaitu dalam kerangka memanfaatkan jin. Ianya lebih luas meliputi:

- i. pertolongan jin yang datang tanpa diminta. Sebahagiannya datang secara sukarela dan sebahagiannya kemungkinan adalah pemberian Tuhan bagi membantu manusia sebagaimana Allah mengutus malaikat untuk membantu kaum muslimin.<sup>26</sup>
- ii. penerimaan maklumat daripada jin.

Sebahagian ulama seperti yang dinukilkan daripada Ibnu Taimiyyah, Syaikh Ibnu ‘Uthaimin dan Syaikh al-‘Abikan membolehkan pemanfaatan daripada jin dalam perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan syarak. Pandangan ini adalah berasaskan kepada hujah-hujah berikut:

- i. Abu Hurairah telah menerima maklumat tentang fadilat ayat al-Kursi daripada jin yang ditangkapnya:

قَالَ إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ {اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ...  
الْحَيُّ الْقَيُّومُ} حَتَّى تَخْتِمَ الْآيَةَ فَإِنَّكَ لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنَ اللَّهِ حَافِظٌ  
وَلَا يَفْرَبُكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ

... Kata syaitan, “Apabila kamu masuk ke tempat tidur kamu maka bacalah ayat al-Kursi. Sesungguhnya engkau akan sentiasa dijaga Allah dan tidak ada syaitan yang mendekati kamu sehingga pagi”...

Kemudiannya, perkara tersebut dinyatakan kepada Rasulullah SAW dan dijawab oleh baginda:

أَمَّا إِنَّهُ قَدْ صَدَقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ..

..Adapun sesungguhnya dia (syaitan) itu telah bercakap benar walaupun dia itu banyak tipu dayanya.<sup>27</sup>

Oleh itu, maklumat yang diperoleh daripada jin boleh diterima apabila disahkan oleh orang yang alim dan mahir dalam bidang tersebut serta didasarkan kepada tuntutan dalam al-Quran dan Hadis.

- ii. Saidina ‘Umar diriwayatkan telah menerima perkhabaran daripada jin:

... بَيْنَمَا رَجُلٌ بِالْيَمَامَةِ بِاللَّيْلَةِ الثَّلَاثَةِ مِنْ فَتْحِ نَهَاوند مَرَّ بِهِ  
رَاكِبٌ فَقَالَ مَنْ أَيْنَ؟ قَالَ مِنْ نَهَاوند وَقَدْ فَتَحَ اللَّهُ عَلَى النُّعْمَانِ  
وَأَسْتَشْهَدُ، فَأَتَى عُمَرَ فَأَخْبَرَهُ فَقَالَ صَدَقَ وَصَدَقْتَ هَذَا عَثِيمٌ  
بَرِيذُ الْجِنِّ رَأَى بَرِيذَ الْإِنْسِ، ...

...Ketika mana seorang lelaki berada di Yamamah pada malam ketiga daripada pembukaan Nahawand, seorang penunggang telah melaluinya. Maka dia bertanya, "Dari mana?" Katanya, "Dari Nahawand, sesungguhnya Allah telah memberikan kemenangan kepada al-Nu'man dan beliau telah gugur syahid." Lelaki tadi mendatangi 'Umar dan menceritakan khabar tersebut. Kata 'Umar, "Dia telah berkata benar dan engkau telah berkata benar. Itu adalah 'Uthaim, penyampai berita dalam kalangan jin yang telah melihat penyampai berita daripada manusia..."<sup>28</sup>

- iii. Diriwayatkan bahawa Abu Musa al-Asy'ari telah mendapatkan bantuan daripada jin:

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ: أَبْطَأَ عَلَيْهِ خَبْرُ عُمَرَ، فَكَلَّمَ امْرَأَةً  
فِي بَطْنِهَا شَيْطَانٌ، فَقَالَتْ: حَتَّى يَجِيءَ شَيْطَانِي فَأَسْأَلُهُ، قَالَ:  
رَأَيْتُ عُمَرَ مُتَزَرًّا بِكِسَاءٍ يَهْنَأُ إِبِلَ الصَّدَقَةِ، ...

Daripada Abi Musa al-Asy'ari: beliau berkata: "perkhabaran tentang Umar r.a. telah terlewat." Maka beliau meminta daripada seorang perempuan yang mempunyai jin dalam badannya. Kata perempuan tersebut: "Nanti apabila datang jin aku, maka aku akan bertanya kepadanya." Kata Jin: "Aku melihat 'Umar memakai kisa' sedang membahagikan unta sedekah" ...<sup>29</sup>

- iv. Memanfaatkan jin dalam perkara yang harus adalah sama dengan memanfaatkan manusia dalam perkara yang harus. Dalam syarak, diakui wasilah mengambil hukum maksud (objektif). Sekiranya penggunaan jin tersebut menjadi wasilah kepada merealisasikan sesuatu perkara yang dituntut oleh syarak seperti membatalkan sihir, atau perkara yang diharuskan seperti mendapat kesembuhan, maka hukum wasilah tersebut adalah harus, dan begitulah sebaliknya.<sup>30</sup>

- v. Allah Taala menjadi segala yang ada dalam alam ini untuk dimanfaatkan oleh manusia:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ وَالْفُلْكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَحِيمٌ

*Tidaklah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintahNya? Dan Dia menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izinNya; Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihanNya dan rahmatNya kepada umat manusia.*

Surah al-Hajj (22): 65

- vi. Kaedah fiqh telah menetapkan bahawa hukum asal semua perkara adalah harus.

الْأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى عَدَمِ الْإِبَاحَةِ

*Hukum asal bagi segala perkara itu adalah harus sehingga adanya dalil yang menunjukkan ketidakharusannya.<sup>31</sup>*

Namun begitu terdapat pandangan, antaranya daripada kalangan *al-Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'*<sup>32</sup> yang menolak keharusan penggunaan jin walaupun dalam perkara-perkara kebaikan. Mereka telah memberi ulasan panjang lebar tentang hujah-hujah yang mengharuskan di atas dan menolak dalil-dalil yang mengharuskannya serta mengemukakan pula dalil-dalil yang melarang akan penggunaan jin.<sup>33</sup> Antara hujah yang digunakan bagi membataskan atau melarang secara total pemanfaatan daripada jin adalah:

- i. Larangan daripada meminta perlindungan daripada jin:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنْسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

*Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.*

Surah al-Jinn (72): 6

- ii. Larangan daripada mendatangi ahli sihir dan tukang tilik. Hal ini kerana golongan ini memohon bantuan daripada jin:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ سَاحِرًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

*Barangsiapa mendatangi tukang tilik atau ahli sihir dan mempercayai kata-katanya maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW.<sup>34</sup>*

قَالَتْ عَائِشَةُ سَأَلَ أَنَسٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ  
الْكُهَّانِ فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسُوا بِشَيْءٍ  
قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَإِنَّهُمْ يُحَدِّثُونَ أَحْيَانًا الشَّيْءَ يَكُونُ حَقًّا قَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِلْكَ الْكَلِمَةُ مِنَ الْجِنِّ يَخْطِفُهَا  
الْجَنِّي فَيَقْرُأُهَا فِي أُذُنِ وَلِيِّهِ قَرَّ الدَّجَاجَةِ فَيَخْلُطُونَ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ  
مِائَةِ كَذِبَةٍ

Saidatina 'Aishah pernah bercerita bahawa: “Ada orang bertanya kepada Rasulullah SAW tentang dukun/bomoh dan sihir” lalu baginda menjawab: “Mereka itu tidak memberi apa-apa kesan pun”. Para sahabat menyampuk: “Wahai Rasulullah! Kadang-kadang mereka mengatakan sesuatu yang benar.” Baginda pun bersabda: “Perkataan itu sebenarnya adalah daripada jin yang mencuri dengar perkataan itu. Lalu diulang-ulangkannya ke telinga orang yang sedia mematuhinya sebagaimana ulangan kokokan ayam. Maka mereka menambah-nambah dengan beratus-ratus pembohongan.”<sup>35</sup>

- iii. Sekiranya perkara ini dibolehkan, mengapa ianya tidak berlaku pada zaman Nabi dan para sahabat, sedangkan Rasul begitu memerlukan bantuan di permulaan dakwah baginda SAW.<sup>36</sup>
- iv. Jin penuh dengan tipu daya. Pernyataan ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

أَمَّا إِنَّهُ قَدْ صَدَقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ

Adapun sesungguhnya dia (syaitan) itu telah bercakap benar walaupun dia itu banyak tipu dayanya.<sup>37</sup>

- v. Penggunaan kaedah fekah:

سَدُّ الذَّرَائِعِ

Menyekat jalan-jalan yang boleh membawa kemudaran.

Kaedah ini digunakan bagi mengelakkan masyarakat daripada tersesat.<sup>38</sup>

- vi. Penggunaan kaedah fekah:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَنَافِعِ

Menolak mafsadah (kemudaran) lebih diutamakan berbanding mendatangkan masalah (kebaikan).

Kaedah ini menetapkan bahawa menolak kekeliruan dan kesesatan masyarakat lebih diutamakan daripada kemanfaatan yang didapati daripada jin.

- vii. Sebahagian ulama bukan sahaja tidak membenarkan memohon bantuan daripada jin, malahan memohon bantuan daripada manusia pun adalah ditegah pada asalnya:

... يَا غُلَامُ إِنِّي مُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظَ اللَّهُ يَحْفَظُكَ أَحْفَظَ اللَّهُ تَجِدَهُ  
تُجَاهَكَ وَإِذَا سَأَلْتَ فَلْتَسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ ...

... Wahai budak, aku ingin ajarkan kepada engkau beberapa kalimah (penting): Jagalah Allah nescaya Allah akan menjagamu. Jagalah Allah, nescaya kamu akan dapatiNya ketika perlumu. Apabila kamu meminta, pintalah daripada Allah. Apabila kamu mohon bantuan, pohonlah daripada Allah...<sup>39</sup>

Di dalam nas-nas yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak, tidak ada nas yang sabit serta *sarih* (jelas) mengharuskan atau pun mengharamkan penggunaan jin dalam perkara-perkara yang diharuskan. Perbincangan tentang sanad *athar* yang membolehkan secara *sarih* tidak sunyi daripada kelemahan.<sup>40</sup> Manakala nas yang sabit tidak pula menyatakannya dengan *sarih*.

Oleh itu, pendekatan yang paling selamat ialah tidak melibatkan diri dengan sebarang pendampingan dengan jin dan juga khadam ayat. Adalah lebih baik kita meninggalkan sesuatu amalan yang dilakukan dengan niat untuk mencari sesuatu kelebihan atau kerana mengharapkan sesuatu keajaiban berlaku ke atas diri. Hal ini kerana, setiap umat Islam diperintahkan oleh Allah SWT untuk melakukan apa jua ibadah yang diperintahkan atau meninggalkan apa jua laranganNya dengan meletakkan niat yang ikhlas kerana Allah SWT sahaja. Bukan dilaksanakan untuk tujuan dan kepentingan diri dan makhluk.

#### Soalan 28:

*Seorang perawat di kampung saya mendakwa dia boleh menangkap jin atau membunuhnya. Saya juga ada mendengar cerita tentang seorang perawat yang boleh memindahkan jin. Apakah pandangan syarak berkenaan isu ini?*

#### Jawapan:

Lanjutan dari isu penggunaan jin dalam pengubatan, terdapat juga sesetengah pihak yang mendakwa mampu menangkap jin dan memasukkannya di dalam botol, memindahkannya ke tempat lain, bahkan menyembelih atau membunuhnya. Berkaitan persoalan ini, beberapa perkara asas perlu dijelaskan iaitu mengusir atau menghalau jin yang ‘menginap’ dalam rumah atau memasuki tubuh manusia dengan ayat-ayat al-Quran yang tertentu adalah dibenarkan dan memang boleh berlaku.<sup>41</sup>

Begitu juga isu berkaitan menangkap dan membunuh jin memang sabit berdasarkan Hadis-hadis yang sahih. Antara dalil-dalil tentang menangkap dan membunuh jin adalah seperti berikut:

- Pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW ketika baginda mengimamkan solat di masjid, tiba-tiba para sahabat melihat Rasulullah SAW sedang mengelak dari sesuatu dan seperti memegang atau menangkap sesuatu yang mereka

tidak nampak. Setelah selesai solat, para sahabat bertanya Rasulullah SAW tentang perlakuan baginda ketika dalam solat. Rasulullah SAW menjelaskan kepada para sahabat, Ifrit telah datang kepada baginda dengan obor api untuk mengganggu solat baginda, lalu baginda mengelak nyalaan obor api tersebut dari terkena muka baginda dan baginda menangkapnya dengan tangan. Pada ketika itu baginda berazam menambat Ifrit tersebut pada salah satu tiang di masjid supaya ia dapat dilihat dan dimain-mainkan oleh kanak-kanak. Tiba-tiba, baginda teringat doa Nabi Sulaiman a.s. yang memohon kekuasaan yang tidak dimiliki oleh sesiapaupun selepas baginda.<sup>42</sup> Oleh kerana itu, Rasulullah SAW melepaskan Ifrit tersebut.<sup>43</sup> Hadis berikut menerangkan perkara di atas:

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : عَنْ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ :  
اعْتَرَضَ لِي الشَّيْطَانُ فِي مُصَلَّايَ هَذَا فَأَخَذْتُهُ فَخَنَقْتُهُ حَتَّى إِنِّي  
لَأَجِدُ بُرْدَ لِسَانِهِ عَلَى ظَهْرِ كَفِّي وَلَوْلَا دَعْوَةُ أَحِي سُلَيْمَانَ لَأَصْبَحَ  
مَرْبُوطًا تَنْتَظِرُونَ إِلَيْهِ.

*Daripada Abi Huraira r.a., daripada Nabi SAW bersabda: "Syaitan telah datang mengganggu solatku, lalu aku pegang lehernya dan mencekiknya hingga aku dapat rasakan lidahnya yang sejuk pada tanganku. Jika tidak kerana doa Nabi Sulaiman AS, nescaya aku akan ikat syaitan itu untuk tontonan kamu".<sup>44</sup>*

Apa yang dilakukan oleh manusia jika hendak dibandingkan dengan kemampuan yang Allah kurniakan kepada Sulaiman adalah amat jauh berbeza. Sebagaimana dinyatakan dalam ayat tersebut (Surah Sad (38): 35), antaranya penguasaan Sulaiman a.s. ke atas jin adalah penguasaan yang menyeluruh sehingga mampu mengikat sejumlah besar golongan Jin.<sup>45</sup>

- ii. Rasulullah SAW telah mengarahkan untuk membunuh jin selepas berlakunya peristiwa kematian salah seorang sahabat disebabkan beliau membunuh jin (yang menjelma sebagai ular):

...إِنَّ لِهَذِهِ الْبُيُوتِ عَوَامِرَ فَإِذَا رَأَيْتُمْ شَيْئًا مِنْهَا فَحَرِّجُوا عَلَيْهَا  
ثَلَاثًا فَإِنْ ذَهَبَ وَإِلَّا فَاقْتُلُوهُ فَإِنَّهُ كَافِرٌ وَقَالَ لَهُمْ اذْهَبُوا فَادْفِنُوا  
صَاحِبَكُمْ

*...Sesungguhnya bagi rumah-rumah ini ada 'awamir. Apabila kamu melihat sesuatu daripadanya maka halaulah ia tiga kali. Sekiranya ia pergi (maka biarkan ia). Jika tidak maka bunuhlah ia. Sesungguhnya ia adalah kafir. Baginda bersabda kepada para sahabat (lagi): Pergilah kamu semua dan kuburkan saudara kamu.<sup>46</sup>*

- iii. Abu Hurairah telah menangkap jin sebanyak tiga kali berturut-turut dalam tiga malam yang berlainan.<sup>47</sup>

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa jin boleh ditangkap dan boleh dibunuh sekiranya ia menjelma. Namun begitu, terdapat pendapat yang menolak kemampuan manusia untuk menangkap jin dalam bentuk asalnya. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa hujah:

- i. Tindakan baginda SAW yang tidak menangkap atau menambat iblis ataupun jin, bahkan jauh sekali untuk memasukkannya ke dalam botol lalu dibuang ke mana-mana tempat.
- ii. Sekiranya kita boleh mengurung jin dalam bekas seperti botol yang diperbuat dari kaca yang telus cahaya (transparent), bermakna makhluk halus tersebut boleh dilihat, sedangkan rupa asal jin dan syaitan bukanlah dalam bentuk fizikal. Bagaimana mungkin sesuatu yang bentuknya bukan fizikal, hendak dimasukkan ke dalam sesuatu yang berbentuk fizikal (botol dan sebagainya)? Lagipun, manusia tidak mampu melihat jin dan iblis dalam keadaannya yang asal, seperti mana yang sabit dalam al-Quran.<sup>48</sup> Oleh itu, bagaimana mungkin manusia biasa boleh menangkap jin, bahkan mendakwa boleh menyembelih dan membunuhnya, khususnya dalam rupa bentuknya yang asal?

Berkenaan isu memindahkan jin juga ada pihak yang menyatakan ianya boleh dilakukan kerana terbukti melalui pengalaman. Tambahan pula terdapat khabar angin yang tersebar menyatakan seorang tokoh perawat yang terkenal pernah memindahkan sekumpulan jin dengan menggunakan bas. Walau bagaimanapun, tokoh yang dimaksudkan telah menafikan cerita-cerita tersebut.<sup>49</sup> Lagipun, dari sudut logik memang tiada keperluan untuk memindahkan jin, lebih-lebih lagi dengan menggunakan kenderaan kerana mereka sendiri boleh bergerak bebas dan sangat pantas hasil daripada kejadian mereka yang bersifat 'halus'.

Daripada hujah yang dikemukakan dapat dirumuskan bahawa tindakan mengusir, menangkap jin dan membunuhnya adalah merupakan suatu yang boleh dilakukan oleh manusia. Sekiranya jin tersebut menjelma dalam bentuk tertentu, maka penangkapan dan pembunuhannya dapat disahkan secara yakin dengan penglihatan. Namun begitu, memastikan dan mengesahkan terjadinya penangkapan dan pembunuhan terhadap jin dalam kejadian asalnya bukanlah perkara yang boleh dipastikan secara yakin. Justeru itu, seseorang tidak boleh mendakwa menangkap dan membunuh jin dalam kejadiannya yang asal. Hal ini kerana dalam keadaannya yang asal, jin tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Maka, bagaimana seseorang boleh mendakwa dia boleh menangkap jin dan memasukkannya ke dalam botol? Dakwaan ini adalah bertentangan dengan realiti dan akal yang rasional. Firman Allah SWT:

يَا بَنِي آدَمَ لَا يَفْتِنَنَّكُمُ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ أَبَوَيْكُم مِّنَ الْجَنَّةِ يَنزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْآتِهِمَا إِنَّهُ يَرَاكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

*Wahai anak-anak Adam! janganlah kamu diperdayakan oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari syurga, sambil ia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya syaitan dan kaumnya (golongan jin) melihat kamu sedangkan kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman.*

Surah al-A'raf (7): 27

Adapun kemampuan Nabi menangkap jin dalam bentuk asalnya seperti yang dibentangkan sebelum ini, maka itu adalah *khususiyyat* yang dianugerahkan kepada baginda sahaja, dan bukan kepada manusia biasa seperti kita.

**Soalan 29:**

***Akhir-akhir ini heboh diperkatakan tentang bedah batin. Apakah yang dimaksudkan dengan bedah batin dan adakah ia dibenarkan dalam Islam?***

**Jawapan:**

Bedah batin, yang juga dikenali sebagai bedah makrifat atau bedah ghaib adalah pembedahan yang dilakukan oleh seorang perawat tanpa menggunakan apa juga alat bedah dan tidak dilakukan dalam bilik bedah seperti yang dilakukan dalam perubatan alopati. Biasanya ia dilakukan dengan tangan kosong dan jika menggunakan peralatan sekalipun, ia bukanlah alat bedah yang biasa, tetapi peralatan yang tidak digunakan oleh pakar-pakar bedah seperti pisau biasa, gunting biasa dan sebagainya. Oleh kerana tanpa peralatan, maka perawat akan menekan hujung jarinya pada kulit pesakit di sekitar anggota yang hendak dirawat. Tangan perawat akan kelihatan seolah-olah sedikit tenggelam ke dalam anggota badan pesakit. Pesakit pula tidak berasa sakit sedikit pun, tetapi terasa seakan-akan sedikit mengantuk (berkemungkinan kesan pukau yang dilakukan oleh perawat).

Boleh jadi darah akan kelihatan mengalir keluar dari kawasan tubuh yang 'dibedah'. Kadang-kadang perawat mengeluarkan sesuatu objek dari tubuh pesakit, misalnya sebahagian organ pesakit seolah-olah dikeluarkan. Kadang-kadang ada objek-objek asing yang dikeluarkan dari tubuh pesakit seperti kaca, paku, pelbagai objek tajam yang didakwa dihantar secara sihir oleh musuh. Pada akhir rawatan, kawasan kulit yang 'dibedah' dibersihkan dan ditutup semula tanpa ada sebarang kesan luka dan calar.

Kaedah lain bagi bedah batin ialah dengan hanya menggunakan isyarat tangan, sama ada jari telunjuk atau tapak tangan yang diarahkan ke bahagian anggota pesakit yang disyaki kawasan berpenyakit, seperti di bahagian kepala, belakang, bahu dan sebagainya. Kononnya

dengan isyarat tersebut, pelbagai punca penyakit yang ada dalam tubuh badan dapat dikeluarkan. Perawat juga mungkin turut menggunakan tilikan dengan menyebut perkara-perkara ghaib seperti di dalam badan pesakit terdapat beberapa ekor jin dan sebagainya. Demikian juga ubatnya yang sesuai dicari secara tilikan seperti menilik ayat-ayat al-Quran yang kononnya sesuai digunakan oleh pesakit.

Boleh juga dikategorikan sebagai pembedahan batin bagi rawatan-rawatan yang berasaskan kebolehan mengeluarkan pelbagai objek daripada tubuh badan pesakit seperti mengeluarkan batu karang dengan cara mengalinkan mentimun atau dengan cara diambil dengan tangan daripada tubuh pesakit, mengeluarkan kaca, pisau gillete dan sebagainya daripada mulut pesakit. Begitu juga dengan mengalinkan telur pada tubuh pesakit, kemudian apabila telur dipecahkan, didapati pelbagai objek dalam telur tersebut. Kadang-kadang warna isi telur sudah menjadi kemerahan atau kehitaman.

Pembedahan batin juga boleh dilakukan secara 'transfer'. Sebagai contoh, apabila seorang pesakit yang ingin mendapat rawatan daripada perawat yang berada di tempat lain, perawat tersebut akan menggunakan seekor kambing hitam lalu dibacakan doa dan ayat-ayat al-Quran. Setelah itu, kambing tersebut disembelih dan dibedah. Didapati organ dalaman kambing tersebut rosak, hancur dan berwarna hitam. Lalu, perawat akan memberi tafsiran (tilikan) akan keadaan penyakit yang sedang dialami oleh pesakit tersebut.

Hukum berubat menggunakan pembedahan batin adalah haram. Ini adalah berdasarkan beberapa hujah:

- i. Ia termasuk dalam kategori ilmu dan amalan sihir khayalan. Penghujahan ini berasaskan kepada pembahagian perkara yang menarik adat (luar biasa) hanya tergolong dalam enam perkara iaitu mukjizat, karamah, ma'unah, sihir, ihanah, istidraj. Kategori yang paling sesuai untuk bedah batin samada sihir atau istidraj. Kedua-duanya adalah tidak dibenarkan dalam Islam.<sup>50</sup>
- ii. Rawatan melalui kaedah bedah batin sebenarnya menggunakan khadam ghaib iaitu jin atau syaitan. Perawat atau pengamalanya pula adalah termasuk dalam kategori kahin iaitu seorang yang memberi khidmat merawat penyakit dengan bantuan jin atau syaitan. Dalam masyarakat Melayu, kahin adalah sama maksudnya dengan pawang atau bomoh.<sup>51</sup>
- iii. Ia melibatkan penipuan dengan pelbagai bentuk sama ada bentuk tradisional atau pun penggunaan alat-alat moden.<sup>52</sup>

Walaupun sekelompok pengamal pengubatan membenarkan amalan bedah batin, namun hujahnya adalah rapuh. Hujah mereka dapat diringkaskan seperti berikut :

- i. Bedah batin adalah merupakan suatu pemberian dari Allah Taala kepada hambaNya. Allah berkuasa melakukan apa sahaja.<sup>53</sup>
- ii. Bedah batin merupakan suatu ilmu yang boleh dipelajari dan sekiranya difahami ia bukan dari kategori perkara yang menarik adat atau luar biasa. Lagipun, tiada beza antara bedah batin dengan praktik-praktik lain dalam pengobatan Islam yang mempunyai unsur-unsur mencarikkan adat.<sup>54</sup>

Oleh itu, dapatlah ditegaskan bahawa amalan bedah batin perlulah dihindari berdasarkan kekuatan hujah-hujah pihak yang menolaknya. Bedah batin turut disenaraikan sebagai perkara yang dilarang dalam amalan pengobatan Islam.<sup>55</sup>

**Soalan 30:**

*Saya telah pergi ke sebuah pusat rawatan bekam yang menggunakan peralatan moden. Adakah kaedah bekam yang diamalkan oleh perawat-perawat masakini masih boleh dikatakan sebagai cara perubatan yang diamalkan oleh Nabi?*

**Jawapan:**

Bekam (*al-hijamah*) merupakan kaedah rawatan dengan cara mengeluarkan darah kotor dari dalam tubuh melalui permukaan kulit. Ia boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu bekam kering dan bekam basah. Hampir 60 peratus bekam yang dilakukan di seluruh dunia tergolong dalam kumpulan bekam kering. Bekam ini tidak mengeluarkan darah seperti bekam angin, magnet dan akupunktur. Bekam jenis ini tidak menyakitkan kerana apabila ia dilakukan di bahagian tertentu pada badan, darah-darah kotor akan disedut keluar melalui saluran kecil ke permukaan bawah kulit (epidermis) tanpa mengeluarkan sebarang darah yang mengalir. Ia hanya akan menimbulkan warna lebam atau kemerah-merahan di bahagian pembekaman.

Manakala 30 peratus lagi adalah bekam basah iaitu bekam darah. Melalui kaedah ini, tempat yang hendak dibekam akan ditekap, kemudian ditoreh atau dicucuk sedikit dan disedut darah kotor yang tidak berguna untuk badan. Alat yang biasa digunakan untuk melakukan bekam ialah tanduk kerbau, gading gajah, buluh, corong kaca atau dengan alat vakum yang bersih dan telah dinyah kuman (steril).<sup>56</sup>

Terdapat banyak Hadis yang menunjukkan Rasulullah SAW menganjurkan berbekam, antaranya sabda Nabi SAW:

إِنَّ أَمَثَلَ مَا تَدَاوَيْتُمْ بِهِ الْحِجَامَةُ

*Sesungguhnya cara perubatan yang paling ideal yang kamu pergunakan adalah bekam.*<sup>57</sup>

إِنْ كَانَ فِي شَيْءٍ مِنْ أَدْوِيَّتِكُمْ خَيْرٌ فَفِي شَرْطَةِ مَحْجَمٍ ...

*Jika pada sesuatu yang kamu gunakan untuk berubat itu terdapat kebaikan, maka hal itu ialah bekam.*<sup>58</sup>

الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةِ شَرْبَةِ عَسَلٍ ، وَشَرْطَةِ مَحْجَمٍ ، وَكَيْةِ نَارٍ ،  
وَأَنْهَى أُمَّتِي عَنِ الْكَيِّ

*Kesembuhan itu terdapat pada tiga perkara: meminum madu, berbekam dan bakar api (alkayy). Tetapi aku melarang umatku melakukan pembakaran dengan api.*<sup>59</sup>

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ: مَا  
مَرَرْتُ لَيْلَةً  
أُسْرِيَ بِي بِمَلَأٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ إِلَّا كُلُّهُمْ يَقُولُ لِي عَلَيْكَ يَا مُحَمَّدٌ  
بِالْحَجَامَةِ.

*Daripada Ibni Abbas, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah aku berjalan melintasi sekumpulan malaikat pada malam aku diisrakkan, melainkan mereka semua berkata kepadaku: Wahai Muhammad, hendaklah engkau berbekam."*<sup>60</sup>

Hadis-hadis di atas jelas menunjukkan bahawa berbekam merupakan antara kaedah pengubatan yang harus, bahkan disunatkan dalam Islam. Bagi memastikan kaedah rawatan ini dijalankan dengan sempurna, berikut digariskan piawaian yang mesti dipatuhi dalam rawatan bekam:

- i. Rawatan perlulah dijalankan di dalam bilik khas atau tempat yang sesuai;
- ii. Peralatan perlu dilakukan dalam keadaan steril;
- iii. Pengamal perlulah menggunakan peralatan yang telah disucihama mengikut piawaian yang ditetapkan; dan
- iv. Setiap pengamal perlu memastikan sisa klinikal dibuang mengikut piawaian yang ditetapkan.<sup>61</sup>
- v. Tidak menggunakan mantera-mantera yang bercanggah dengan syarak ketika melakukan rawatan berbekam.

Berdasarkan kefahaman tentang maksud dan tujuan bekam seperti yang telah dibincangkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa praktis bekam yang dilakukan oleh perawat-perawat masakini masih boleh dikatakan bersandarkan amalan Nabi SAW, walaupun beberapa teknik dan peralatan bekam yang digunakan tidak sama dengan peralatan bekam zaman baginda. Hal ini kerana *substance* bekam itu sendiri iaitu mengeluarkan darah kotor (bertoksid) adalah kekal, cuma kaedah atau wasilahnya sahaja yang berubah, sejajar dengan perkembangan semasa.

Pada hakikatnya, penggunaan peralatan adalah lebih bersifat wasilah atau perantara sahaja dalam proses rawatan sesuatu penyakit sebagai ikhtiar membuang penyakit yang dihidapi dengan berpegang bahawa kuasa penyembuh adalah bergantung kepada Allah SWT mengikut keizinanNya. Adapun penggunaan peralatan yang berubah-ubah mengikut perkembangan zaman dalam merawat sesuatu penyakit seperti rawatan bekam dan sebagainya, ia adalah dibenarkan tetapi kesemua peralatan berkenaan hendaklah benar-benar bersih dan suci serta tidak memberikan kesan kemudaratan kepada pesakit semasa dan selepas rawatan dijalankan. Ia termasuklah kesemua peralatan berkenaan dinyahkuman dan seumpama dengannya agar peralatan yang menjadi perantara untuk mengeluarkan darah pesakit tidak memudaratkannya pada masa akan datang kesan daripada penggunaan peralatan rawatan berkenaan.

Namun dari sudut praktik nabawi, baginda berbekam di bahagian tengah kepala dan antara dua bahunya. Baginda juga menganjurkan berbekam pada tarikh 17, 19 dan 21 pada setiap bulan dalam tahun Hijriyyah. Dari sudut hari pula baginda menganjurkan berbekam pada hari Khamis, Isnin dan Selasa. Pernyataan ini berdasarkan Hadis-hadis berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَانَ يَخْتَجِمُ عَلَى هَامَتِهِ وَيَبِينُ كَتِفَيْهِ وَهُوَ يَقُولُ « مَنْ أَهْرَاقَ مِنْ هَذِهِ الدِّمَاءِ فَلَا يَضُرَّهُ أَنْ لَا يَتَدَاوَى بِشَيْءٍ لَشَيْءٍ

*Bahawa Nabi SAW berbekam pada bahagian tengah kepalanya dan di antara dua bahunya dan baginda bersabda, "Sesiapa yang mengeluarkan darah (iaitu berbekam di tempat tersebut), tidak akan menjejaskan (kesihatan) dirinya jika dia tidak berubat dengan sesuatu untuk sesuatu (penyakit)."*<sup>62</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - مَنْ اخْتَجَمَ لِسَبْعَ عَشْرَةَ وَتِسْعَ عَشْرَةَ وَإِحْدَى وَعِشْرِينَ كَانَ شِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ

*Daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa berbekam pada hari ke 17, 19 dan 21 (bulan Hijriyyah), maka ia akan sembuh dari segala macam penyakit."*<sup>63</sup>

قَالَ ابْنُ عُمَرَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ : الْحَجَامَةُ عَلَى الرِّيقِ أَمْتَلُ وَهِيَ تَزِيدُ فِي الْعَقْلِ وَتَزِيدُ فِي الْحِفْظِ وَتَزِيدُ الْحَافِظَ حِفْظًا فَمَنْ كَانَ مُحْتَاجًا فَيَوْمَ الْخَمِيسِ عَلَى اسْمِ اللَّهِ وَاجْتَنَبُوا الْحَجَامَةَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَيَوْمَ السَّبْتِ وَيَوْمَ الْأَحَدِ وَاجْتَنَبُوا يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ وَالْثَلَاثَاءِ وَاجْتَنَبُوا الْحَجَامَةَ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ فَإِنَّهُ الْيَوْمُ الَّذِي أُصِيبَ فِيهِ أَيُّوبُ بِالْبَلَاءِ وَمَا يَبْدُو جَذَامًا وَلَا بَرَصًا إِلَّا فِي يَوْمِ الْأَرْبَعَاءِ أَوْ لَيْلَةِ الْأَرْبَعَاءِ

*Berkata Ibnu Umar r.a., Rasulullah SAW bersabda: "Berbekam dilakukan dalam keadaan perut kosong adalah yang paling ideal, di mana ia akan menambah kecerdasan otak dan menambah ketajaman menghafal. Ia akan menambah seorang penghafal lebih mudah menghafal. Oleh karena itu, barangsiapa hendak berbekam, maka sebaiknya dia melakukannya pada hari Khamis dengan menyebut nama Allah SWT. Hindarilah berbekam pada hari Jumat dan hari Sabtu serta hari Ahad. Berbekamlah pada hari Isnin dan Selasa. Hindarilah berbekam pada hari Rabu, karena Rabu merupakan hari di mana nabi Ayyub tertimpa malapetaka. Tidaklah timbul penyakit kusta dan sopak kecuali pada hari Rabu atau malam hari Rabu."*<sup>64</sup>

**Soalan 31:**

**Adakah kaedah rawatan moden (alopati) dan tradisional dibenarkan oleh syarak?**

**Jawapan:**

Secara ringkasnya ditegaskan bahawa mana-mana kaedah rawatan moden (konvensional dan alternatif) dan tradisional yang di dalamnya terkandung paradigma, konsep, nilai dan tatacara yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah<sup>65</sup> serta diberikan nilai dan roh Islam<sup>66</sup> adalah diharuskan syarak. Selain itu, mana-mana kaedah rawatan yang tidak memudaratkan serta tidak melibatkan penggunaan bahan-bahan rawatan yang ditegah juga adalah dibenarkan.

Pada asasnya, rawatan dan pengubatan boleh dikategorikan (*al-takyif al-fiqhi*) sebagaimana dalam bidang muamalat kerana ia melibatkan interaksi sesama manusia (*hablun min al-nas*), penggunaan bahan-bahan tertentu dan kaedah-kaedah tertentu untuk mendapat kesembuhan. Unsur hubungan dengan Tuhan (*hablun min Allah*) yang dimanifestasikan melalui doa atau *ruqyah* dan disertai dengan sabar, reda, ikhlas, keyakinan dan pengharapan adalah merupakan elemen maknawi yang menjadikan proses pengubatan tersebut menjadi ciri khusus sebagai rawatan dan pengubatan Islam (*shariah based*), sekaligus membezakannya dengan kaedah-kaedah rawatan yang lain.

Walaupun bagaimanapun, kaedah-kaedah rawatan lain masih boleh diamalkan dengan syarat ia tidak bercanggah dengan syarak (*shariah compliant*).<sup>67</sup> Oleh itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa mana-mana kaedah rawatan yang sabit dan selaras dengan al-Quran dan Hadis-hadis yang sahih adalah boleh diguna pakai tanpa sebarang pertikaian. Adapun kaedah rawatan dan amalan pengubatan yang sabit dengan selain daripada dua sumber yang di atas, ia masih boleh diterima tetapi perlu mengambil kira faktor-faktor lain yang diiktibar oleh syarak.

Perlu dijelaskan bahawa matlamat untuk memperoleh kesembuhan dari kecederaan atau penyakit fizikal dan spiritual adalah dibenarkan syarak kerana ia termasuk dalam peringkat *al-daruriyyat* (seperti menjaga nyawa, akal dan keturunan), namun kesembuhan itu sendiri bukanlah indikator utama kepada keharusan kaedah rawatan menurut syarak. Sebagai contoh perbandingan, matlamat untuk mendapat harta dan kekayaan boleh dicapai melalui cara yang halal mahupun yang haram. Begitu juga matlamat untuk berasa kenyang boleh dicapai dengan memakan makanan yang halal ataupun yang haram. Akan tetapi, tercapainya matlamat mendapat kekayaan dan berasa kenyang bukanlah indikator akan harusnya cara-cara yang digunakan untuk merealisasikan matlamat-matlamat tersebut. Oleh itu, walaupun sesuatu penyakit boleh disembuhkan dengan cara-cara tertentu, tetapi kesembuhan tersebut tidak boleh menjadi penentu bagi keharusan cara tersebut menurut syarak.

Selain itu, kaedah rawatan alternatif yang melibatkan unsur spiritual yang bertentangan dengan al-Quran dan Hadis-hadis yang sahih juga adalah tidak dibenarkan. Hal ini kerana elemen spiritual (kerohanian) seperti roh, jin dan makhluk halus merupakan sebahagian daripada perkara-perkara ghaib. Dalam epistemologi Islam, perkara-perkara ghaib adalah

bersangkut-paut dengan aqidah dan keimanan. Oleh itu, sandarannya mestilah sabit dan jelas, iaitu bersumberkan al-Quran dan Hadis-hadis yang sahih sahaja. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

*Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".*

Surah al-Isra' (17): 85

Walau bagaimanapun, elemen kerohanian yang hanya melibatkan pembinaan dan peningkatan semangat, motivasi, keyakinan diri, imej diri yang positif serta optimistik, maka sebarang kaedah yang bermanfaat sekalipun tidak sabit secara khusus dengan sumber-sumber hukum syarak adalah boleh diaplikasikan. Perkara ini berdasarkan sebuah Hadis:

اَلْكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ اَحَقُّ بِهَا

*Kata-kata bijaksana itu adalah merupakan kehilangan orang-orang mukmin, maka di mana sahaja dia dapatnya maka dia lebih berhak ke atasnya.*<sup>68</sup>

Satu aspek penting yang mesti diambil kira juga ialah, walaupun pada asalnya diharuskan mengguna sebarang kaedah yang bermanfaat, namun jika terdapat sebarang unsur penghinaan (*istihza*) dan mempermain-mainkan (*lahwun wa la'ibun*) agama Islam dan juga agama-agama lain, maka ia juga adalah tidak dibenarkan. Ketetapan ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا.....

*Dan jauhkanlah diri daripada orang-orang yang menjadikan ugama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia ....*

Surah al-An'am (6): 70

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًّا بِغَيْرِ عِلْمٍ.....

*Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah selain daripada Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan ...*

Surah al-An'am (6): 108

Oleh itu, sebarang tindakan yang menghina agama Islam seperti menggunakan al-Quran secara tidak wajar dengan menggantung al-Quran dan menunggunya berpusing, menilik dengan nombor-nombor ayat atau muka surat al-Quran dan menyalahgunakan ayat al-Quran dalam mana-mana perawatan adalah ditegah.



# 40

*soal jawab*

PENGUBATAN  
ISLAM

BAHAGIAN KEEMPAT  
**BAHAN RAWATAN**



**Soalan 32:**

*Saya difahamkan bahawa bahan dan peralatan bagi perubatan Islam hendaklah halal, bersih dan suci. Adakah terdapat perbezaan di antara bersih dan suci?*

**Jawapan:**

Pada dasarnya, Islam mengutamakan kebersihan dan kesucian dalam seluruh aspek kehidupan muslim. Ia juga menjadi syarat penerimaan amalan seseorang muslim. Dari aspek perubatan, halal dan bersih serta suci menjadi prasyarat utama yang digariskan syariat Islam terutama sekali bagi bahan-bahan dan peralatan yang digunakan dalam merawat penyakit. Halal yang dimaksudkan di sini ialah sesuatu yang tidak termasuk dalam perkara-perkara haram yang disebutkan dalam al-Quran mahupun Hadis atau dengan erti kata lain iaitu perkara yang harus dan tidak terdapat dalil daripada syarak yang mengharamkannya.<sup>1</sup> Selain itu juga, para ulama telah bersepakat bahawa ia juga hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur najis.<sup>2</sup>

Menyentuh mengenai bersih dan suci, kedua-dua unsur berikut mempunyai perbezaan antara satu dengan yang lain walaupun kedua-duanya seolah-olah sama maksud namun saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Bersih menurut Kamus Dewan bermaksud tidak kotor.<sup>3</sup> Manakala suci pula diertikan sebagai bersih dari segi agama atau bersih daripada sebarang kejahatan ataupun keburukan sama ada dari segi niat, perasaan atau selain daripada keduanya.<sup>4</sup> Justeru itu, suci ini lebih bersifat khusus berbanding bersih yang lebih bersifat umum.<sup>5</sup> Oleh yang demikian, bersih lebih menjurus kepada perkara yang zahir atau nampak dengan mata kasar seperti baju yang bersih tiada sebarang kotoran tetapi suci pula bersifat maknawi atau batin. Ia tidak boleh dilihat dengan mata kasar tetapi dinilai berdasarkan ketetapan yang ditentukan syarak. Sebagai contoh air kopi halal dan bersih serta tiada unsur najis untuk diminum tetapi ia tidak boleh menyucikan.

**Soalan 33:**

*Apakah hukum penggunaan air jampi?*

**Jawapan:**

Penggunaan air sebagai bahan atau ubat dalam rawatan Islam memang tidak dapat disangkal lagi malah ia menepati nas al-Quran dan Hadis Nabi SAW.<sup>6</sup> Hakikatnya air mempunyai pelbagai rahsia dan keistimewaannya tersendiri.<sup>7</sup> Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyebutkan kelebihan air sebagai kegunaan manusia dalam kehidupan. Firman Allah SWT:

إِن فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ  
بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ  
كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيَّاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ  
يَعْقِلُونَ

*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat*

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada Kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; Sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Surah al-Baqarah (2): 164

Allah SWT juga telah menunjukkan bahawa air juga bertindak sebagai perantara penyembuhan penyakit zahir dan batin menerusi kisah Nabi Ayub a.s. yang telah ditimpa ujian penyakit kulit selama beberapa ketika dalam jangka masa yang agak lama. Oleh yang demikian, baginda memohon pertolongan daripada Allah SWT lalu diperintahkan kepada baginda menerusi firmanNya:

اٰزْكُضْ بِرِجْلِكَ هٰذَا مُغْتَسَلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ

(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): “Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu” (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): “Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin”.

Surah Sad (38): 42

Penggunaan air sebagai bahan rawatan tidak menjadi pertikaian ulama memandangkan ia menjadi amalan Rasulullah SAW sendiri.<sup>8</sup> Sebagai contoh, baginda pernah menggunakan air wuduk untuk mengubati penyakit demam seperti Hadis di bawah :

جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَرِيضٌ، فَتَوَضَّأَ فَصَبَّ عَلَيَّ أَوْ قَالَ: صُبُّوا عَلَيْهِ، فَعَقَلْتُ. فَقُلْتُ: لَا يَرِثُنِي إِلَّا كَلَالَةٌ، فَكَيْفَ الْمِيرَاثُ؟ فَنَزَلَتْ آيَةُ الْفَرَايِضِ.

Daripada Jabir bin Abdullah r.a menceritakan, Nabi SAW datang menziarahiku ketika aku sakit. Baginda lalu mengambil wuduk dan menyiram air wuduknya ke atasku atau baginda bersabda, “Siramkan ke atasnya.”Maka apabila aku tersedar (daripada pengsanku), aku pun berkata kepada Nabi, “Apabila aku mati, tidak ada yang akan mewarisi hartaku melainkan seorang anak perempuan yang tiada bapa dan tiada anak. Bagaimanakah cara pewarisannya?” Lalu turunlah ayat tentang faraid (pembahagian harta pusaka).<sup>9</sup>

Selain itu, terdapat Hadis yang Rasulullah SAW yang mengajar kita mengubati demam dengan air iaitu:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ: الْحُمَى مِنْ قَيْحِ جَهَنَّمَ، فَأَبْرِدُوهَا بِالْمَاءِ

*Daripada Ibnu Umar r.a. berkata: daripada Rasulullah SAW bersabda: “Demam adalah daripada percikan api neraka, maka hendaklah disejukkan ia dengan air”<sup>10</sup>*

Sifat kejadian air itu sendiri yang bersih menjadikan ia suatu yang istimewa dan amat penting dalam kehidupan serta keperluan utama hidupan. Suatu kajian saintifik yang telah dilakukan oleh seorang saintis Jepun iaitu Dr. Masaru Emoto mengenai perubahan molekul air mengikut apa yang dibacakan kepadanya. Hasil kajian mendapati molekul air akan berubah kepada bentuk yang cantik seperti kristal apabila dibacakan atau disebutkan dengan perkataan yang baik manakala molekul air akan berubah kepada bentuk yang tidak sekata atau tidak mempunyai bentuk apabila dibacakan sesuatu yang tidak baik. Ini menunjukkan bahawa perubahan bentuk molekul air sangat bergantung kepada baik dan buruknya sesuatu yang dibacakan kepada air tersebut.<sup>11</sup> Melalui dalil al-Quran, Hadis Nabi SAW dan dibuktikan lagi dengan kajian saintifik, penggunaan air walaupun sekadar air kosong biasa tidak dapat dinafikan lagi boleh dijadikan sebagai salah satu bahan rawatan.<sup>12</sup>

Oleh itu, air jampi merupakan air yang dibacakan padanya ataupun air yang dilarutkan dengan tulisan ayat-ayat al-Quran.<sup>13</sup> Oleh yang demikian, melihat kepada perbincangan mengenai penggunaan air dalam rawatan dan tindak balasnya terhadap sesuatu bacaan yang berupaya merawat sesuatu penyakit maka penggunaan air jampi adalah diharuskan. Walau bagaimanapun, syarat utama bagi penggunaan air jampi adalah hendaklah menggunakan air yang hidup (air yang belum dimasak) serta tidak tercemar. Air juga hanya boleh dijampi dengan ayat-ayat al-Quran, Hadis-hadis yang sahih, doa-doa yang ma'thur, kata-kata ulama atau bacaan-bacaan yang baik, difahami maknanya serta tidak bercampur dengan unsur-unsur pemujaan, sihir, kata-kata yang tidak elok dan seumpama dengannya. Adalah amat digalakkan air tersebut dijampi oleh orang-orang yang beriman, soleh dan alim.

#### **Soalan 34:**

***Ada pihak yang mempertikaikan penggunaan garam dalam rawatan makhluk halus. Apakah pandangan syarak mengenai perkara ini?***

#### **Jawapan:**

Berkenaan penggunaan garam dalam rawatan makhluk halus, tidak terdapat nas secara naqli mengenai perkara ini. Walaubagaimanapun, terdapat satu soalan yang diutarakan kepada Syekh Abu Al-Barra' Usamah bin Yasin al-Ma'ani tentang penggunaan garam yang direnjis

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

pada sudut atau tiang rumah yang mengalami gangguan makhluk halus sama ada ia dibenarkan atau tidak. Lalu beliau berkata bahawa ia adalah harus dengan beberapa syarat:

- i. Hendaklah memaklumkan kepada makhluk yang mengganggu bahawa tindakan ini tidak bermaksud mencerooboh atau menyakiti dengan sengaja.
- ii. Hendaklah dimaklumkan kepada tuan rumah bahawa penggunaan air dan garam adalah semata-mata ikhtiar berdasarkan pengalaman pengamal perubatan yang berpengalaman dan berkecimpung dalam bidang rawatan Islam. Selain itu hendaklah diterangkan bahawa makhluk halus amat sensitif dengan garam dan tidak menyukainya dalam semua keadaan. Penggunaan bahan tersebut dapat mengusir makhluk halus daripada rumah tersebut dengan izin Allah.<sup>14</sup>

Oleh itu, penggunaan garam dalam rawatan makluk halus adalah diharuskan berpandukan syarat-syarat yang telah dinyatakan di samping tidak memasukkan unsur-unsur pemujaan dan khurafat dalam proses rawatan menggunakan garam.

### ***Soalan 35:***

***Apakah bahan-bahan yang dilarang dalam perubatan Islam dan apakah hikmah di sebalik larangan tersebut?***

### **Jawapan:**

Bahan-bahan yang dilarang dalam perubatan Islam ialah:

- i. Penggunaan emas dan sutera bagi lelaki, melainkan dalam keadaan darurat.
- ii. Tangkal dan azimat.
- iii. Bahan najis seperti bahan kumbahan, khinzir, anjing, darah, bangkai dan cecair yang memabukkan.
- iv. Bahan yang dikaitkan dengan sihir seperti minyak dagu, minyak pengasih dan sebagainya.
- v. Bahan yang dikaitkan dengan upacara pemujaan seperti kain kafan, tanah kubur, rambut, kemenyan, bahan santau serta racun dan seumpama dengannya.

Berubat dengan sesuatu yang diharamkan sememangnya perbuatan yang buruk, sama ada menurut akal mahupun menurut panduan syariat.<sup>15</sup> Antara hikmah tidak boleh berubat dengan benda yang haram ialah<sup>16</sup>:

- i. Allah mengharamkan perkara itu supaya manusia menjauhi dan menghindarkan diri daripadanya. Hakikat ini perlu dipegang walaupun tidak nyata alasan pengharamannya. Tujuannya bagi membezakan siapakah daripada kalangan hambaNya yang taat dan golongan yang tidak taat. Dengan menggunakannya sebagai ubat, itu bererti kita menentang tujuan syarak itu.
- ii. Akal manusia terbatas setakat ilmu yang ia ketahui. Tuhan pencipta alam ini mengetahui apa yang Dia ciptakan. Apabila hal ini dilarang pasti ada keburukannya apabila dilanggar.<sup>17</sup>

- iii. Ubat-ubatan haram mendatangkan kemudaratannya yang lebih besar berbanding dengan kesembuhan yang dihasilkan.
- iv. Keharusan berubat dengan benda haram membuka pintu kepada syahwat dan keseronokan. Justeru, apabila diketahui bahan haram berkenaan boleh menghilangkan penyakit dan mendatangkan kesembuhan, adalah dikhuatiri ia akan menjadi suatu bahan yang disukai untuk mengubati penyakit. Oleh itu, syarak menutup pintu yang boleh membawa kepada pengambilannya dengan segala daya.
- v. Allah mengharamkan benda yang haram kerana kekotorannya. Pengharaman tersebut menjadi benteng yang dapat mengelakkan masyarakat daripada mengambilnya untuk tujuan perubatan.
- vi. Sekalipun bahan haram mungkin boleh menyembuhkan penyakit, namun ia akan memberi mudarat yang lebih besar iaitu penyakit hati. Sifat kotor yang ada pada bahan berkenaan akan meresap ke dalam tabiat dan roh orang yang mengambilnya. Oleh itu, Allah mengharamkan benda-benda najis kerana semuanya mampu mengotorkan tabiat dan jiwa hambaNya.
- vii. Pengharaman berubat dengan bahan yang haram menunjukkan bahan tersebut perlu dijauhi dengan pelbagai cara yang ada. Apabila kita menjadikannya sebagai ubat, ia boleh menggalakan kepada orang ramai supaya mengambil dan menggunakannya. Ini bertentangan dengan tujuan syarak.

Selain itu, ia berkait rapat dengan penerimaan Allah SWT terhadap amalan seseorang Muslim yang mana ia terhalang dengan adanya unsur-unsur haram yang terdapat dalam diri individu berkenaan. Perkara ini telah disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah Hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

أَيُّهَا النَّاسُ! إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا. وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ  
بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ. فَقَالَ: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ  
وَأَعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ. [٢٣ / الْمُؤْمِنُونَ / الْآيَةُ  
٥١] وَقَالَ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ [٢ /  
الْبَقَرَةُ / الْآيَةُ ١٧٢]. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ. أَشْعَثُ أَغْبَرَ.  
يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ. يَا رَبِّ! يَا رَبِّ! وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ ، وَمَشْرَبُهُ  
حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ ، وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ. فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَذَلِكَ ؟

“Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik, maka Dia tidak menerima kecuali sesuatu yang baik. Sesungguhnya Allah memerintahkan kepada orang-orang mukmin apa yang diperintahkan kepada para rasul seraya berfirman. “Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amal yang soleh. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” [Surah Al-Mu'minun (23): 51], Kemudian berfirman, “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang telah Kami berikan

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

kepada mu.” [Surah al-Baqarah (2):172]. Kemudian baginda menjelaskan tentang seseorang yang memanjangkan perjalanan, rambutnya kusut masai dan badannya berdebu, menghulurkan kedua tangannya ke langit seraya berkata, “Ya Rabb! Ya Rabb!” Sementara makanannya haram, pakaiannya haram, minumannya haram dan diberi makanan haram, apakah mungkin doanya dimakbulkan?”<sup>18</sup>

### Soalan 36:

**Dalam keadaan darurat, Islam membenarkan penggunaan bahan-bahan yang diharamkan. Apakah panduan untuk menentukan batasan darurat dalam perubatan Islam?**

### Jawapan:

Melihat kepada persoalan ini, ia adalah berdasarkan kepada kaedah fekah iaitu:

### الضَّرُورَةُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ

*Keadaan darurat mengharuskan perkara yang ditegah*

Kaedah ini merupakan kesimpulan daripada firman Allah Taala:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ  
لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ  
غَفُورٌ رَحِيمٌ

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah”. kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-An‘am (6): 145

Sehubungan dengan itu, apabila kaedah tersebut digunakan dalam perubatan Islam maka keharusan penggunaan bahan haram dan najis boleh berlaku jika wujud keperluan yang mendesak pada pesakit. Oleh itu, ia diharuskan serta mengikut kadar keperluan sahaja.

Darurat ditakrifkan sebagai sesuatu yang berlaku ke atas seseorang manusia atau sesuatu keadaan yang berbahaya, atau kesusahan yang sangat berat, yang mana dibimbangi berlakunya kemudaratan atau kesakitan terhadap jiwa atau anggota atau maruah atau akal atau

harta dan segala yang berkaitan dengannya. Ketika itu perlu atau diharuskan melakukan yang haram atau meninggalkan yang wajib atau memperlewatkannya daripada waktunya, demi untuk menolak kemudaratan daripada dirinya mengikut sangka beratnya (jangkaan berat) dalam ruang lingkup peraturan-peraturan syarak.<sup>19</sup>

Secara dasarnya, hukum-hakam Islam dibahagikan kepada '*azimah*' (ketetapan asal) dan *rukhsah* (kelonggaran). Hukum yang telah mempunyai ketetapan ialah hukum asal yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul seperti keharaman arak dan babi serta kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan. Manakala rukhsah ialah kelonggaran yang boleh diaplikasikan dalam keadaan tertentu sebagai contoh pada saat kecemasan dan darurat. Justeru itu, setiap muslim wajib beramal dengan hukum-hakam yang telah ditetapkan ('*azimah*') melainkan wujudnya keadaan yang mengharuskan pengambilan rukhsah.<sup>20</sup>

Oleh yang demikian, secara khususnya bagi penggunaan bahan atau peralatan haram atas sebab darurat ia mempunyai kadar dan sempadannya yang tersendiri. Antara syarat-syarat pelaksanaan darurat ialah:

- i. Darurat itu memang benar-benar berlaku dan bukan hanya sangkaan semata-mata ke atas kemusnahan nyawa ataupun harta benda. Sekiranya kekhuatiran atau keraguan itu didasarkan kepada andaian atau sangkaan, maka andaian berkenaan hendaklah andaian yang kuat berdasarkan kajian dan pemerhatian.<sup>21</sup>
- ii. Tiada sebarang pilihan lain yang dibenarkan syarak bagi mengelak kemudaratan tersebut.
- iii. Hendaklah berusaha memilih mudarat yang paling ringan dan tidak terlalu jauh daripada prinsip-prinsip Islam dari aspek keharamannya.
- iv. Melakukan perkara mudarat berkenaan sekadar keperluan sahaja dan bukan untuk bersedap-sedap atau seronok dalam melakukan atau mengambilnya.
- v. Dalam isu ubat-ubatan khususnya, memakan ubat daripada produk haram untuk menjaga kepentingan nyawa hendaklah disyorkan oleh pengamal perubatan atau doktor yang dipercayai pegangan dan amalan agamanya serta mempunyai kepakaran di samping terbukti tiada ubat lain yang halal untuk diambil. Oleh itu, dalam kitab *Fiqh Manhaji* menegaskan bahawa ubat yang sebatu dengan bahan yang memabukkan yang tidak lagi dikenali sifat dan ciri-cirinya harus diambil oleh pesakit dengan nasihat doktor sekiranya tiada ubat lain yang dapat menggantikannya. Manakala bagi ubat yang tidak sebatu dengan bahan yang memabukkan, tidak harus diambil untuk mengubati penyakit.<sup>22</sup>

#### **Soalan 37:**

***Saya mendapati sesetengah restoran menggunakan tangkal sebagai pelaris. Adakah pandangan yang mengharuskannya?***

#### **Jawapan:**

Tangkal diertikan sebagai perkara yang digunakan bagi menolak bala seperti penyakit, hantu, jin dan lain-lain.<sup>23</sup> Tangkal biasanya dipakai atau digantung pada leher, atau di tangan,

atau kadang-kadang juga diletak di bawah bantal.<sup>24</sup> Isu penggunaan tangkal sebenarnya telah lama berlaku sejak tamadun awal manusia seperti Mesopotamia, Mesir Kuno, Parsi dan Rom serta turut diamalkan dalam masyarakat Arab Jahiliah sehingga meresap masuk ke alam Melayu. Malah, penggunaannya diterima pakai dan diamalkan oleh masyarakat dahulu hinggalah kepada masyarakat moden.<sup>25</sup> Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah r.a:

### إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ

*Sesungguhnya jampi mentera (yang tidak Islamik) dan tangkal-tangkal serta ilmu pengasih adalah syirik.*<sup>26</sup>

Antara yang termasuk dalam syirik kecil ialah menggantungkan tangkal dan azimat bagi tujuan membendung gangguan jin atau mengelakkan terkena penyakit *al-'ain*. Amalan seumpama ini, ditolak dan dibatalkan oleh Islam.<sup>27</sup> Dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

### مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَلَا أَمَّ لِلَّهِ لَهُ وَمَنْ تَعَلَّقَ وَدْعَةً فَلَا وَدَعَ اللَّهُ لَهُ

*Sesiapa yang menggantung tangkal. Allah tidak akan menyempurnakannya dan sesiapa yang menggantung wad'ah, tidak ada perlindungan baginya.*<sup>28</sup>

Manakala pengertian azimat adalah bahan yang terdiri daripada tulisan yang ditulis pada kertas, kain, keratan kayu tertentu atau sisik tenggiling yang dipakai pada bahagian tertentu tubuh (seperti di pinggang) atau pada sesebuah tempat yang dianggap mempunyai sakti dan boleh mengelakkan penyakit, bencana dan sebagainya.<sup>29</sup> Selain itu juga ia boleh ditakrifkan sebagai jampi<sup>30</sup> atau memohon pertolongan atau bantuan untuk memperolehi sesuatu perkara dengan menggunakan kekuatan yang melampaui kekuatan tabii. Justeru itu, dapat difahami bahawa azimat adalah suatu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudaratkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa-kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semulajadi (tabii) apabila dijamapi atau dipuja.<sup>31</sup>

Antara bentuk-bentuk azimat ialah:<sup>32</sup>

- i. Menjamapi batu, cincin, rantai, baju, keris, dan sebagainya untuk dijadikan pelindung diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih dan sebagainya.
- ii. Membungkus tulisan-tulisan, rajah-rajah atau objek-objek tertentu dengan kain kuning untuk dijadikan tangkal.
- iii. Menjamapi tulisan-tulisan yang tidak diketahui maknanya dan dicampuradukkan dengan ayat-ayat al-Quran.

- iv. Berjampi atau berazimat menggunakan kata-kata yang dicampuradukkan dengan kata-kata sihir dan kufur yang tidak diketahui maknanya. Contoh: “*Bikana, Makana, Nabi Yakun, Numa Yakun Akulah sebenar-benar Zat Allah.*”

Berhubung dengan peringatan bahawa “tangkal hanya ikhtiar”, ungkapan tersebut adalah mengelirukan kerana niat yang baik tidak boleh menghalalkan cara yang haram.<sup>33</sup> Oleh itu, kesemua bentuk-bentuk azimat yang dinyatakan di atas adalah diharamkan.

Dalil keharaman penggunaan tangkal ini dapat dipetik daripada firman Allah SWT:

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بَضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمْسَسْكَ بَخَرٍ فَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri; dan jika Dia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Dia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

Surah al-An‘am (6): 17

Ayat berkenaan menunjukkan bahawa tidak ada kuasa lain yang mampu menimpakan sesuatu atau memberikan kebaikan kepada manusia melainkan semuanya adalah dengan kuasa Allah SWT. Sehubungan dengan itu juga, Rasulullah SAW pernah bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ruwaifi’ bin Thabit al-Ansari RA dengan sabdanya:

قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا رُوَيْفِعُ لَعَلَّ الْحَيَاةَ سَتَطُولُ بِكَ بَعْدِي فَأَخْبِرِ النَّاسَ أَنَّهُ مَنْ عَقَدَ لَحْيَتَهُ أَوْ تَقَلَّدَ وَتَرًا أَوْ اسْتَنْجَى بِرَجِيعِ دَابَّةٍ أَوْ عَظْمٍ فَإِنَّ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْهُ بَرِيءٌ

*“Wahai Ruwaifi, barangkali umurmu akan panjang selepasku, oleh itu khabarkanlah kepada manusia bahawa barangsiapa yang mengikat janggutnya (kerana berasa bangga) atau mengikat kalung pada kudanya (kerana yakin dapat menjadi tangkal untuk mengelakkan penyakit), atau beristinja’ dengan kotoran binatang atau tulang, maka sesungguhnya Muhammad SAW berlepas diri daripada orang tersebut”<sup>34</sup>*

Hakikatnya, penggunaan tangkal tidak menambahkan kepada yang terlibat selain daripada kelemahan kepada diri sendiri. Ia bukan cara untuk mengelakkan bala yang berlaku atau bakal berlaku<sup>35</sup> malah semakin mendekatkan manusia kepada syirik kepada Allah SWT.<sup>36</sup> Ibnu Qayyim berkata: Seseorang yang benar-benar bertawakkal tidak akan bergantung kepada makhluk seperti tangkal dan sebagainya. Tambahan pula Nabi Muhammad SAW dan para

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

sahabat tidak bertangkal, mereka sentiasa bertawakkal.<sup>37</sup> Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

..... وَعَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلُوا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

*Dan kepada Allah jualah hendaklah kamu berserah (setelah kamu bertindak menyerang), jika benar kamu orang-orang yang beriman.*

Surah al-Ma'idah (5): 23

Berkata Ibnu al-Qayyim lagi, "Sesungguhnya Allah SWT menjadikan tawakkal itu adalah syarat bagi iman. Jika tidak bertawakkal kepada Allah dan bertawakkal kepada tangkal, maka ternafilah baginya satu syarat daripada syarat-syarat keimanan."<sup>38</sup>

Namun begitu, bagaimana pula halnya bagi tangkal yang menggunakan ayat-ayat al-Quran? Sebahagian ulama menolak secara total penggunaan tangkal dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Ini berdasarkan kepada beberapa hujah iaitu:

- i. Larangan penggunaan tangkal adalah umum dan menyeluruh sama ada menggunakan ayat-ayat al-Quran mahupun selain daripada itu.
- ii. Menutup pintu kerosakan. Mengharuskan ayat-ayat al-Quran digantung, di pintu atau di leher kanak-kanak, memberi ruang kepada penggantungan bahan-bahan lain, kerana pintu kejahatan apabila dibuka, tidak dapat ditutup.
- iii. Mengharuskan penggunaan tangkal yang mengandungi ayat-ayat al-Quran, akan mendedahkannya kepada kehinaan, kerana orang-orang yang menggantungnya, akan membawa ke tempat-tempat najis, ketika membuang air dan lain-lain.
- iv. Ia akan membuka ruang untuk tidak menghormati al-Quran serta meringan-ringankannya dan ini bertentangan dengan apa yang terkandung di dalam al-Quran itu sendiri. Malahan, Allah SWT menurunkan al-Quran sebagai petunjuk manusia ke jalan yang lurus serta memindahkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya dan bukan untuk digunakan sebagai tangkal, azimat, penjaga, pendinding dan lain-lain.
- v. Ayat-ayat al-Quran bukanlah digunakan untuk digantung atau dijadikan tangkal mahupun azimat. Namun, al-Quran itu digunakan untuk diamati maknanya, difahami tuntutannya, dipraktikkan hukumnya dan dijadikan panduan kehidupan untuk mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Al-Quran juga diturunkan untuk dibaca dan dihafal, dibaca untuk memohon perlindungan daripada Allah SWT dan membentuk jati diri untuk mentaati Allah SWT.<sup>39</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian ulama cenderung untuk mengharuskan penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai tangkal. Malah, Ibnu Mas'ud beserta murid-muridnya menghukumkan makruh dalam penggunaan tangkal sebegini rupa. Memandangkan keperluan

memelihara kesucian al-Quran itu adalah suatu tuntutan, maka larangan penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai tangkal adalah lebih selamat untuk diambil sebagai sandaran hukum. Wallahu a'lam.

**Soalan 38:**

*Saya ada mendengar kayu kokka mempunyai 1001 khasiatnya dalam perubatan. Benarkah dakwaan ini?*

**Jawapan:**

Sesetengah orang meyakini kononnya kayu Kokka dapat menjauhkan seseorang daripada gangguan syaitan. Antara khasiat dan keajaiban yang dihebah-hebahkan juga ialah ia boleh menjadi penawar, penyembuh dan pelindung. Lebih melampau dari itu, terdapat kisah-kisah pelik dan ajaib yang terang-terang merupakan cerita yang direka-reka bagi melariskan barang atau mainan yang dibuat daripada kayu itu menerusi cerita-cerita yang tidak dapat diketahui sumber dan keabsahannya. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk menyesatkan orang beriman dan melalaikan mereka daripada bergantung dan bermohon kepada Allah SWT selain demi kepentingan hawa nafsu dan sifat tamak semata-mata. Hakikatnya, dakwaan bahawa bahtera Nabi Nuh AS dan tongkat Nabi Musa AS diperbuat daripada kayu Kokka adalah tidak benar sama sekali.

Kebanyakan ulama berbeza pendapat mengenai material bahtera Nabi Nuh. Kitab Taurat menyebutkan bahawa ia diperbuat daripada kayu Pine, manakala penafsir kitab Injil pula menyatakan ia diperbuat daripada pokok Cyprus. Begitu juga halnya dengan tongkat Nabi Musa dan Nabi Syu'aib a.s. yang tidak dapat dipastikan secara jelas jenis kayu yang menjadi tongkat kepada kedua-dua orang nabi berkenaan.

Kalau ternyata kayu Kokka mempunyai khasiatnya, kedudukannya tidak lebih dari akar Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan seumpamanya dan tidak perlu dikaitkan dengan bahtera Nabi Nuh a.s dan kemampuan-kemampuan luar biasa, sebagaimana yang digambarkan oleh segelintir orang sekarang.<sup>40</sup> Selain itu juga, terdapat segelintir peniaga-peniaga kayu dan perawat berkenaan menyandarkan kepada sabda Rasulullah SAW dan kata-kata ulama mengenai kelebihanannya sedangkan ianya adalah tidak berasas malah seharusnya dielakkan untuk berhujah dengannya namun tidak menafikan khasiatnya.

**Soalan 39:**

*Bapa saudara saya pernah bermimpi menerima barang-barang dari alam ghaib yang dihantar bagi tujuan merawat penyakit. Apakah pandangan syarak mengenai penggunaan bahan-bahan rawatan yang diperolehi secara ghaib?*

**Jawapan:**

Terdapat sebahagian perawat muslim mendakwa memperolehi sesuatu berupa bahan atau peralatan yang diberikan atau dihantar dari alam ghaib oleh jin Islam, wali, Nabi Khidir,

## BERUBATLAH WAHAI ANAK ADAM

khadam ayat, roh-roh orang soleh dan seumpama dengannya melalui perantara mimpi atau sebagainya untuk digunakan dalam melakukan rawatan. Ia berupa batu-batuan, senjata tajam atau barang logam, kayu dan sebagainya. Selalunya mereka memperolehinya melalui petunjuk mimpi menerima barang berkenaan atau diperintahkan oleh seseorang untuk mendapatkan barang berkenaan. Oleh itu, bahan atau peralatan berkenaan adalah dilarang dalam Islam untuk menggunakannya. Ia seolah-olah menggunakan bantuan jin tetapi dengan perantara sesuatu objek. Selain itu, ia akan merosakkan aqidah Muslim. Tidak dinafikan bahawa jin dan syaitan mempunyai kemampuan untuk membawa barang-barang ghaib atau dari jarak yang jauh sebagaimana yang diceritakan dalam al-Quran:

قَالَ عَفَرِيْتُ مِنَ الْجِنَّ أَنَا آتِيكَ بِدَقَبَلٍ أَن تَقُومَ مِنْ مَقَامِكَ وَإِنِّي عَلَيْهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٌ

*Berkatalah Ifrit dari golongan jin, "Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku amatlah kuat untuk membawanya, lagi amanah".*

Surah al-Naml (27): 39

Bahkan, terdapat sesetengah jin yang berkebolehan mengambil batu permata atau mutiara dari perut bumi atau laut. Firman Allah SWT:

وَالشَّيَاطِينُ كُلٌّ بَنَاءٌ وَغَوَاصٌّ

*Dan (Kami mudahkan baginya memerintah) syaitan (dan jin), (ia memerintah) golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing).*

Surah Sad(38): 37

Apa yang pasti, syaitan dan jin mampu (dengan izin Allah SWT) untuk melakukan pelbagai perkara bagi menyesatkan manusia dari beriman dan percaya kepada Allah SWT yang berkuasa menimbulkan penyakit dan menyembuhkannya.

### **Soalan 40:**

**Bagaimanakah susun atur dan persekitaran yang sesuai di pusat rawatan menurut panduan syarak?**

### **Jawapan:**

Tempat atau lokasi rawatan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesi rawatan pesakit malah sedikit sebanyak menyumbang kepada penyembuhan sesuatu penyakit.

Dalam meletakkan piawaian utama bagi tempat rawatan, berikut adalah elemen penting dalam menilai sesuatu tempat rawatan itu selaras dengan tuntutan syarak ataupun tidak iaitu:

### **Keadaan Fizikal Bilik**

Bilik rawatan hendaklah diterapkan *biah solehah* seperti tidak digantung atau diletakkan gambar makhluk bernyawa, loceng, televisyen, radio dan lain-lain<sup>41</sup> atau dalam erti kata lain ia tidak mempunyai unsur-unsur maksiat. Ini adalah kerana ia akan menjadi faktor penghalang bagi penyembuhan sesuatu penyakit. Selain itu, tempat rawatan hendaklah mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik.

Bagi tujuan kualiti dan keselamatan, pusat rawatan hendaklah berdaftar serta mempunyai lesen dan sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa tempatan malah hendaklah dipamerkan iklan perkhidmatan rawatan yang disediakan.<sup>42</sup> Sekiranya terdapat proses rawatan khas dijalankan, perlulah disediakan satu bilik khas untuk tujuan berkenaan. Namun, dalam keadaan tertentu seperti perawat menjalankan rawatan di rumah pesakit atau bagi kes-kes kecemasan maka tempat tersebut mestilah sekurang-kurangnya berada dalam keadaan baik dan selamat untuk menjalankan rawatan.

### **Kebersihan Bilik**

Bilik rawatan yang disediakan hendaklah bersih dan suci daripada sebarang kotoran. Oleh yang demikian bilik rawatan juga hendaklah mempunyai sistem pengurusan pembuangan sisa pepejal dan cecair atau sisa klinikal seperti yang termaktub dalam *Standard Precautions of Healthcare dan Guidelines on Handling and Management of Clinical Wastes in Malaysia*<sup>43</sup> iaitu:

- i. Sebarang sampah atau sisa domestik dibuang di dalam tong sampah khas yang berasingan daripada sisa klinikal manakala sampah yang tercemar dengan darah atau cecair daripada badan hendaklah dibuang ke dalam beg plastik *biohazard*.
- ii. Sebarang bahan kumbahan (*excreta*) atau cecair daripada badan hendaklah dibuang terus ke dalam tandas atau saliran yang bersambung terus ke sistem kumbahan.

Selain daripada itu, beberapa perkara lain boleh perlu juga diberikan perhatian bagi memastikan tempat perawatan yang sempurna bagi tujuan pengubatan:

- i. Lantai bilik rawatan juga perlu dinyahkuman sekiranya menjalankan prosedur bekam.<sup>44</sup>
